

BAB TIGA

PENERIMAAN TERHADAP BUKU SASTERA TERBITAN DBP DI SARAWAK

3.1 Pengenalan

Dalam Bab 3, kajian akan ditumpukan kepada data-data yang telah diperoleh melalui borang soal selidik. Dua borang selidik telah diedar dan dilengkapkan oleh responden yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah atas dan pelajar institusi pengajian tinggi serta guru-guru sekolah menengah. Borang A untuk pelajar dan Borang B untuk guru. Data daripada Kad BIN buku berkenaan juga akan digunakan bagi menyokong dapatan dalam borang A dan B. (Rujuk Lampiran V dan VI).

3.1.1 Maklumat Umum Kajian

Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini ialah 794 orang. Pelajar terdiri daripada 530 orang sementara guru seramai 264 orang. Responden dipilih berdasarkan tempat sekolah mereka belajar dan mengajar yang mewakili bahagian-bahagian utama di Sarawak. Bahagian yang dipilih ialah Kuching/Samarahan, Sibu, Bintulu dan Miri. Bagi setiap sekolah, responden yang dipilih ialah 53 orang pelajar dan 33 orang guru. Bagaimanapun hanya 740 borang soal selidik A dan B sahaja yang dapat digunakan untuk kajian. Borang lain tidak dapat digunakan kerana data yang diberikan tidak lengkap. Purata sebuah lokasi (sekolah) enam (6) borang yang tidak lengkap diisi oleh responden.

Bagi pelajar IPT, mereka dipilih daripada pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) seramai 53 orang dan pelatih Maktab Perguruan Batu

Lintang (MPBL) seramai 53 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar IPT yang terlibat kajian ini ialah seramai 106 orang. Maklumat lengkap terdapat dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 Maklumat umum responden

Bahagian	Sekolah/ IPT	Lokaliti Sekolah/IPT	Guru yang jadi responden	Pelajar yang jadi responden	Jumlah
Kuching	5	Bandar	115	247	362
Samarahan	2	Luar bandar	33	100	133
Sibu	1	Bandar	29	53	82
Bintulu	1	Bandar	31	48	79
Miri	1	Luar bandar	32	52	84
JUMLAH	10		240	500	740

* Jumlah responden berdasarkan borang yang dapat digunakan oleh pengkaji

Kesemua pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar menengah atas iaitu Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan Rendah, Tingkatan 6 Atas serta pelajar ijazah pertama UNIMAS dan pelajar Diploma Perguruan MPBL, Kuching. Bagi guru pula, mereka dipilih secara rambang tanpa mengira kaum, tahap tertinggi pendidikan serta mata pelajaran yang diajarkan. Dalam Jadual 3.2 ditunjukkan pecahan responden berdasarkan tahap persekolahan.

Jadual 3.2 Pecahan pelajar berdasarkan tingkatan/tahap

TINGKATAN/TAHAP	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Tingkatan 4	20	45	65
Tingkatan 5	71	90	161
Tingkatan 6R	28	34	62
Tingkatan 6A	53	59	112
Diploma/Ijazah Pertama	39	61	100
	211	289	500

Jadual 3.3 pula menunjukkan pecahan kategori/skel guru yang menjadi responden. Seramai 173 guru adalah berskel DG3 dan 67 guru adalah berskel DG6.

Jadual 3.3 Kategori/Skel Guru

SKEL	JUMLAH
DG 3	173 orang
DG 6	67 orang
	240 orang

Jadual 3.4 pula menunjukkan sekolah dan IPT yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3.4 Sekolah dan institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam kajian mengikut bahagian

BAHAGIAN	NAMA SEKOLAH/INSTITUSI
Kuching	SMK Tunku Abdul Rahman, Petra Jaya
	SMK Tun Abang Haji Openg
	SMB. St. Joseph
	SMK Lumba Kuda
	Maktab Perguruan Batu Lintang (MPBL)
Samarahan	SMK Asa Jaya
	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Sibu	SMK Rosli Dhobi
Bintulu	SMK Bandar Bintulu
Miri	SMK Marudi

3.2 Tujuan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat perkara-perkara yang berikut:

- 3.2.1 Jumlah atau kadar pembacaan novel, cerpen dan puisi di kalangan responden.
- 3.2.2 Keadaan pembacaan novel, cerpen dan puisi di kalangan responden.
- 3.2.3 Sebab-sebab responden membaca novel, cerpen dan puisi.
- 3.2.4 Sebab-sebab responden tidak membaca novel, cerpen dan puisi.
- 3.2.5 Mengenal pasti karya (teks) yang paling seronok dan yang paling tidak seronok dibaca oleh responden.
- 3.2.6 Mengenal pasti karya (teks) yang bagaimanakah yang diminati dan boleh menarik responden membaca.

Daripada enam tujuan tersebut, pengkaji berharap akan dapat membuat rumusan dan penilaian tentang sejauh manakah novel, antologi

cerpen dan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 mendapat sambutan guru dan pelajar. Rasional pelajar dan guru dipilih sebagai responden bagi kajian ini ialah kerana mereka merupakan antara kumpulan masyarakat yang paling berpotensi untuk membaca dan menghayati karya-karya sastera.

Sekolah yang dipilih untuk terlibat dalam kajian ini berdasarkan lokasi atau kedudukan yang dapat mewakili keseluruhan negeri Sarawak melalui bahagian-bahagian utama, Kuching, Samarahan, Sibu, Bintulu dan Miri. Lokaliti bandar dan luar bandar juga diambil kira bagi melengkapkan kawasan kajian ini.

3.3 Profil Pelajar

Seramai 500 orang pelajar diminta untuk melengkapkan soal selidik A. Daripada jumlah itu 400 (80%) ialah pelajar sekolah menengah atas dan 100 (20%) ialah pelajar Diploma Perguruan Malaysia (MPBL) dan pelajar Ijazah Pertama (UNIMAS). Bagi pelajar Diploma Perguruan Malaysia pula mereka dipilih secara rambang tanpa mengira kursus yang diambil di maktab. Begitu juga dengan pelajar Ijazah Pertama UNIMAS, mereka dipilih tanpa mengambil kira fakulti dan bidang yang diambil di universiti. Daripada jumlah tersebut seramai 211 responden ialah lelaki dan 289 ialah perempuan.

Dari segi pecahan umur pelajar, 48% adalah dalam lingkungan 15 hingga 17 tahun, 32.4% dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun dan 14.6% berumur lingkungan 21 hingga 25 tahun. Hanya 4.8% pelajar dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun.

Jadual 3.3.1 menunjukkan pecahan pelajar mengikut etnik. Berdasarkan jadual itu pelajar 49.4% Melayu, 21.2% Iban, 8.2% Bidayuh, 8.6% Melanau, 11.4% Cina dan 1.2% Orang Ulu. Peratusan pelajar Melayu yang ramai disebabkan oleh sekolah yang terlibat dalam kajian ini sebahagian besar sekolah majoriti pelajar Melayu. Ini terutamanya tiga buah sekolah di Kuching, sebuah di Samarahan dan sebuah di Bintulu.

Jadual 3.3.1 Pecahan pelajar mengikut etnik

BANGSA	JUMLAH	PERATUS
Melayu	247	49.4
Iban	106	21.2
Bidayuh	41	8.2
Melanau	43	8.6
Orang Ulu	6	1.2
Cina	57	11.4
	500	100

Lokaliti sekolah tempat pelajar menunjukkan bahawa 80% mereka bersekolah di kawasan bandar, sementara 20% lagi bersekolah di kawasan luar bandar. Keadaan ini disebabkan sekolah yang dipilih iaitu di Kuching, Sibu dan Bintulu berada di kawasan bandar. Hanya sekolah di bahagian Samarahan, iaitu SMK Asa Jaya dan sekolah di bahagian Miri iaitu SMK Marudi sahaja yang berada di kawasan luar bandar.

Bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah bagi pelajar yang terlibat dalam kajian ini memperlihatkan bahawa 95.6% adalah dalam bahasa Melayu. Hanya 4.4% menggunakan bahasa pengantar Cina. Di peringkat

sekolah menengah 100% pelajar menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Melayu, sementara bagi pelajar yang berada di IPT, 92% bahasa pengantarnya bahasa Melayu dan 8% menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Di peringkat IPT mereka yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kesemuanya pelajar UNIMAS yang mengambil jurusan sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat. Jadual 3.3.2 di bawah menunjukkan peratusan bahasa pengantar yang digunakan oleh pelajar.

Jadual 3.3.2 Pecahan bahasa pengantar mengikut tahap

BAHASA PENGANTAR	SEKOLAH RENDAH		SEKOLAH MENENGAH		IPT	
	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
Bahasa Melayu	478	95.6	500	100	92	92
Bahasa Cina	22	44				
Bahasa Inggeris					8	8

Jadual 3.3.3 memaparkan peratusan perbezaan aliran yang diambil pelajar semasa di sekolah menengah (atas). Jelas sebahagian besar pelajar mengikuti aliran sains berbanding aliran agama dan aliran sains.

Peratusan bagi aliran sastera ialah 91.2%, aliran sains 6% dan aliran agama 2.8%. Jumlah pelajar aliran sastera yang besar dalam kajian ini bertujuan mengenal pasti kemungkinan perkaitan antara minat sastera dengan aliran sastera yang dikuti di sekolah serta kesannya kepada pembacaan buku-buku sastera kreatif terbitan DBP Sarawak.

Jadual 3.3.3 Aliran yang diambil oleh pelajar

ALIRAN	JUMLAH	PERATUS
Sastera	456	91.2
Sains	30	6
Agama	14	2.8

Bagi pelajar yang telah dan sedang belajar di IPT pula, 53% mengambil jurusan sains sosial, 24% sains, 8% ekonomi, 6% Pengajian Islam (syariah/usuludin), 8% kejuruteraan dan 1% pendidikan. Dan bagi pelajar bidang sains sosial pula hanya 20 orang yang mengikuti kursus Kesusasteraan Melayu.

3.4 Profil Guru

Bagi melengkapkan kajian ini, seramai 240 orang guru telah dipilih untuk mengisi Borang Soal Selidik B. Mereka dipilih secara rambang dari sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Bagi setiap sekolah, seramai 30 orang dipilih untuk melengkapkan borang soal selidik B. Ini bermakna sebanyak 8 buah sekolah yang gurunya terlibat dalam kajian. (Rujuk Jadual 3.1).

Daripada 240 guru yang terpilih, 37.5% (90 orang) ialah lelaki dan 62.5% (150 orang) ialah guru wanita. Keadaan ini memperlihatkan bahawa di sekolah berkenaan, jumlah guru wanita adalah lebih besar berbanding guru lelaki.

Guru yang terlibat dalam kajian ini juga sebahagian besarnya daripada etnik Melayu iaitu 57.5%, sementara Iban 9.5%, Bidayuh 6.6%, Melanau

8.75% Orang Ulu 2.5%, Cina 14.58% dan India 0.41%. Jadual 3.41 memaparkan perbezaan etnik tersebut.

Keseluruhan jumlah guru yang mengajar di sekolah menengah pada tahun 1990 ialah 6299 orang. Daripada jumlah ini, 5978 atau 94% guru mengajar di sekolah-sekolah kerajaan dan dibantu oleh kerajaan manakala 321 orang atau 5.1% mengajar di sekolah-sekolah menengah yang tidak dibantu oleh kerajaan.¹

Jadual 3.4.1 Pecahan guru berdasarkan etnik

ETNIK	JUMLAH	PERATUS
Melayu	138	57.5
Iban	23	9.5
Bidayuh	16	6.6
Melanau	21	8.75
Orang Ulu	6	2.5
Cina	35	14.58
India	1	0.41
JUMLAH	240	100%

Jadual 3.4.2 pula menunjukkan pecahan guru yang menjadi responden dari segi umur. Sejumlah 10.83% berumur dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun, 30% dalam lingkungan 26 hingga 30 tahun, 23.3% dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun, 17.5% dalam lingkungan 36 hingga 40 tahun dan 18.3%

¹Jabatan Statistik Malaysia (Cawangan Sarawak) 1991, *Annual Statistical Bulletin Sarawak*, 1990 hlm. 207.

dalam lingkungan 41 hingga 45 tahun. Tidak ada responden yang terlibat dalam kajian ini berumur lebih daripada 46 tahun dan ke atas.

Jadual 3.4.2 Pecahan guru mengikut umur

UMUR	JUMLAH	PERATUS
20 hingga 25 tahun	26	10.83
26 – 30 tahun	72	30
31 – 35 tahun	56	23.3
36 – 40 tahun	42	17.5
41 – 45 tahun	44	18.3
46 – 50 tahun	-	-
51 – 55 tahun	-	-
JUMLAH	240	100%

Tahap tertinggi pendidikan bagi guru yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 3.4.3. Sebahagian besar guru mendapat pendidikan tertinggi hingga ke Ijazah Pertama iaitu sebanyak 66.6%. Selebihnya pendidikan tertinggi hingga Menengah Rendah (LCE, SRP, PMR) 0.8%, Menengah Atas (Senior Cambridge, MCE SPM, SPMV) 14.5%, Menengah Atas (HSC, STPM) 11.25% dan Diploma 5.4%. Hanya 1.25% guru yang mendapat pendidikan tertinggi hingga ke peringkat sarjana/Doktor Falsafah.

Jadual 3.4.3 Tahap pendidikan tertinggi guru

TAHAP PENDIDIKAN	JUMLAH	PERATUS
Sekolah Rendah	-	-
Sekolah Menengah Rendah (SJC/LCE/SRP/PMR)	2	0.8
Sekolah Menengah Atas (Senior Cambridge, MCE, SPM, SPMV)	35	14.58
Sekolah Menengah Atas (HSC, STPM)	27	11.25
Diploma	13	5.4
Ijazah Pertama	160	66.6
Sarjana/Doktor Falsafah	3	1.25
	240	100


Jadual 3.4.4 menunjukkan bahasa pengantar yang digunakan oleh guru. Sejumlah 80% guru semasa di sekolah rendah menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Selebihnya 19.01% menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris dan 0.8% menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina. Di peringkat sekolah menengah pula 79.1% menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu dan 20.8% menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris. Di peringkat IPT pula, 91.9% menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar berbanding 8.09% bahasa Inggeris.

Jadual 3.4.4 Bahasa pengantar guru semasa di sekolah rendah sekolah menengah dan IPT

BAHASA PENGANTAR	SEKOLAH RENDAH		SEKOLAH MENENGAH		IPT	
	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
Bahasa Melayu	192	80	190	79.1	159	91.9
Bahasa Inggeris	46	19.1	50	20.8	14	8.09
Bahasa Cina	2	0.8	-	-	-	-
	240	100	240	100	173	100


Aliran yang diambil oleh guru semasa di sekolah menengah seperti yang ditunjukkan dalam carta 3.4.6 dengan jelas turut menggambarkan etnik responden. Sebanyak 62.5% mengambil aliran sastera, 31.6% aliran sains, 5% aliran agama dan 0.83% aliran-aliran lain. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan 57% responden ialah guru Melayu dan 27.92% ialah etnik bumiputera lain yang lazimnya lebih cenderung mengambil aliran sastera, sementara 14.5% responden ialah kaum Cina yang cenderung mendambil aliran sains.

Carta 3.4.6 Aliran semasa di sekolah menengah



Bagi guru yang memasuki IPT, bidang-bidang yang diambil oleh mereka ditunjukkan dalam carta 3.4.6. Sebanyak 55.49 guru mengambil jurusan sains sosial, 21.96% mengambil jurusan sains, 9.8% jurusan

ekonomi, 0.5% jurusan perubatan dan 6.3% jurusan pendidikan. Jurusan yang diambil di peringkat IPT juga menunjukkan responden lebih terdidik dan terdedah dengan bidang sastera secara umum.



3.5 Latar Belakang Pengalaman Sastera Pelajar

Latar belakang pengalaman sastera pelajar diteliti dari sudut apakah yang difahami mereka tentang sastera, bila mula mendengar tentang sastera, genre yang diminati, bahan-bahan sastera yang dibaca.

Jadual 3.5.1 ialah rumusan tentang apakah yang difahami mereka mengenai sastera: 48% mengatakan sastera adalah salah satu cabang seni; sementara 28.4% melihat sastera sebagai hasil karya seperti puisi, cerpen, novel dan drama; sebanyak 18.2% pula memahami sastera sebagai salah satu disiplin ilmu dan 5.7% memahami sastera sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dan IPT. Keadaan ini menunjukkan hampir setengah responden menerima bahawa sastera adalah hasil seni. Ini bermakna penglibatan dalam sastera bagi mereka adalah satu penglibatan dalam kegiatan kesenian yang umumnya memerlukan minat dan bakat.

Timbul kesedaran yang jelas juga apabila 18.2% respondeen menerima bahawa sastera adalah salah satu disiplin ilmu. Perkara ini mungkin hasil pendedahan responden (pelajar) menengah atas terhadap

subjek sastera yang diajarkan di sekolah. Walau bagaimanapun, jumlah responden yang masih menganggap sastera sebagai hasil cerpen, puisi, novel dan drama juga agak besar iaitu 28.4%. Ini mungkin kerana pendedahan mereka lebih kepada karya-karya yang dibaca oleh mereka daripada genre tersebut.

Jadual 3.5.1 Kefahaman guru terhadap sastera

KEFAHAMAN	JUMLAH	PERATUS
Sastera sebagai salah satu cabang seni	244	48.8
Sastera sebagai salah satu disiplin ilmu	90	18
Sastera sebagai satu subjek di sekolah/IPT	26	5.2
Antara hasil sastera ialah puisi, cerpen, novel dan drama	140	28
Lain-lain	-	-
	500	100

Bilakah responden mula mengetahui dan mendengar tentang kesusasteraan Melayu ditunjukkan dalam jadual 3.5.2. Didapati bahawa sebahagian besar pelajar mula mendengar dan mengetahui kesusasteraan Melayu semasa berada di sekolah menengah, iaitu sebanyak 91.2%. Hanya 8.8% pelajar yang mengetahui kesusasteraan Melayu semasa di sekolah rendah lagi. Jumlah pelajar yang amat besar mendengar dan mengetahui tentang kesusasteraan Melayu semasa di sekolah menengah pastinya kerana pada tahap tersebut sastera sudah diajarkan sebagai satu subjek terutamanya peringkat menengah atas, berbanding 8.8% yang mula

mendengar sastera semasa di sekolah rendah yang mungkin diberitahu oleh guru-guru mereka ketika itu.

Jadual 3.5.2 Tahap pelajar mula mendengar dan mengetahui kesusasteraan Melayu

TAHAP/PERINGKAT	JUMLAH	PERATUS
Sekolah Rendah	44	8.8
Sekolah Menengah	456	91.2
	500	100


Dalam jadual 3.5.3 pula ditunjukkan daripada siapakah pelajar mula mengetahui bidang sastera. Ternyata bahawa guru mempunyai pengaruh yang amat besar dalam memperkenalkan bidang sastera kepada pelajar. Peratusan pelajar yang mengetahui sastera daripada guru ialah 70% berbanding hanya 8.8% daripada ibu bapa/ahli keluarga, dan 5.8% daripada rakan-rakan sekolah. Namun, peranan media juga penting dalam memperkenalkan sastera kepada pelajar. Ini dibuktikan dengan 15.4% pelajar mengetahui sastera melalui media (akhbar, majalah, radio dan tv).

Pengaruh guru yang amat besar dalam memperkenalkan bidang sastera kepada pelajar mungkin kerana semasa proses pengajaran dan pembelajaran harian di sekolah guru-guru secara tidak langsung telah menyebut tentang bidang sastera. Keadaan menjadi lebih kukuh apabila di peringkat menengah atas pelajar sudah diberi pilihan sama ada hendak mengambil aliran sastera, aliran sains dan lain-lain. Ketika inilah guru

memainkan peranan yang amat berpengaruh dalam memperkenalkan bidang sastera di sekolah.

Dengan kemudahan media yang semakin banyak, maklumat dapat disampaikan kepada khalayak dalam tempoh yang singkat. Maka media cetak seperti majalah akhbar serta media elektronik seperti radio dan tv turut memuatkan bahan-bahan sastera. Misalnya RTM Sarawak melalui radio menerbitkan ruangan Pustaka Bahasa dan Sastera sejak tahun 1979.²

Dengan sebahagian besar pelajar berada dalam kawasan bandar, kemudahan untuk membeli bahan bacaan seperti majalah, dan akhbar juga mudah. Perkhidmatan televisyen dan radio juga dapat diterima hampir seluruh negeri Sarawak³. Maka maklumat mudah diperoleh termasuklah yang berkaitan dengan bidang sastera.




Walaupun media agak berpengaruh dalam memperkenalkan sastera kepada pelajar, namun ia tidak mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang tersebut. Hanya 4.2% pelajar yang mendapat galakan meminati sastera daripada media. Sebaliknya, 67.8% pelajar menyatakan minat terhadap sastera datangnya daripada kemauhan diri sendiri. Minat pelajar juga

²Di Sarawak terdapat lima stesen radio iaitu RTM Kuching, RTM Sri Aman, RTM Sibu, RTM Miri dan RTM Limbang termasuk sebuah stesen radio swasta iaitu Cats Radio di Kuching.

³Hampir semua stesen tv di Malaysia, (RTM, TV3 dan NTV7) menyiarkan slot drama setiap malam. Ini tentunya mempengaruhi minat pelajar terhadap genre drama.

datangnya dari galakkan guru yang meliputi 21%. Memang guru mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan minat serta kecenderungan pelajar. Rakan sekolah pula menyumbang 5.4% galakan kepada minat sastera pelajar.

Carta 3.5.4 Faktor penggalak minat sastera pelajar




Peranan ibu bapa/ahli keluarga pula paling kecil dengan hanya 1.6% pelajar tergalak untuk meminati sastera hasil dorongan mereka. Jadual 3.5.4 menunjukkan data-data berkaitan faktor penggalak minat sastera di kalangan pelajar.

Carta 3.5.5 menunjukkan genre yang paling diminati oleh pelajar. Cerpen merupakan genre yang paling diminati oleh pelajar dengan 50.8% daripada mereka memilih genre ini. Ini mungkin disebabkan cerpen agak pendek dan mudah dibaca di samping ceritanya yang menarik. Selepas cerpen, novel merupakan genre kedua yang paling diminati pelajar. Novel mewakili 22% paling diminati, puisi 13.8%, drama 11.8% dan kritikan sastera 1.6%.

Jika dilihat daripada data tersebut, minat pelajar kelihatan cenderung kepada membaca cerita yang ringkas dan pendek. Novel, walaupun dalam


bentuk cerita, tetapi tidak begitu diminati berbanding cerpen mungkin kerana genre ini lebih panjang dan memerlukan masa untuk membacanya. Puisi, walaupun ringkas, tetapi tidak begitu diminati pelajar kerana mungkin pelajar sukar untuk memahami maksud sajak. Minat terhadap drama yang agak tinggi juga mungkin dipengaruhi oleh slot drama yang banyak disiarkan oleh stesen tv kerajaan dan swasta di Malaysia.

Kritikan sastera merupakan genre yang paling tidak diminati oleh pelajar. Keadaan ini mungkin kerana kritikan sastera tidak mengandung unsur-unsur yang menghiburkan yang boleh menarik minat pelajar. Bahkan kritikan sastera juga memerlukan ilmu khusus untuk dapat meneliti dan meminatinnya.



Berkaitan dengan genre yang paling diminati pelajar, carta 3.5.6 menunjukkan genre yang mula-mula dibaca oleh pelajar dalam pengalaman


sastera mereka. Genre yang paling banyak mula-mula dibaca oleh pelajar ialah cerpen iaitu 57.3%, puisi 21.5%, novel 18.4% drama 2% dan kritikan sastera 0.6%. Puisi dan novel di tempat kedua dan ketiga dari segi mula-mula dibaca oleh pelajar. Sementara drama dan kritikan ialah genre yang paling lewat dikenali atau dibaca oleh pelajar. Ini jelas memperlihatkan bahawa cerpen, novel dan puisi adalah paling popular di kalangan pelajar. Perkara ini mungkin disebabkan tiga genre ini paling banyak tersiar di dalam akhbar dan majalah. Pendedahan ini memberikan ruang kepada pelajar untuk membaca genre-genre ini.⁴



Pada peringkat mula-mula membaca karya sastera, 95.3% pelajar membaca karya dalam bahasa Melayu, sementara 2% membaca karya dalam bahasa Inggeris, dan 2.6% lagi membaca karya dalam bahasa Cina. Keadaan ini juga menjelaskan bahawa karya-karya dalam bahasa Melayu paling berpengaruh dan paling awal dibaca serta dikenali oleh pelajar.

⁴Di Sarawak akhabar *Utusan Sarawak* dan *Utusan Borneo* memuatkan ruangan sastera yang mengandungi cerpen dan puisi setiap hari Ahad, Selasa dan Rabu.

Ada penurunan dari segi peratusan pelajar yang masih lagi membaca karya sastera hingga sekarang. Sejumlah 88% pelajar masih lagi membaca karya sastera dalam bahasa Melayu. Ini bermakna penurunan sebanyak 7.3% berbanding pada peringkat mula-mula pelajar membaca karya sastera. Sebanyak 10.6% pelajar yang masih membaca karya sastera hingga sekarang membaca karya sastera dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selebihnya 1.3% pelajar membaca karya sastera dalam bahasa Inggeris sahaja. Perkara ini ditunjukkan dalam carta 3.5.7



3.6 Latar Belakang Pengalaman Sastera Guru

Latar belakang pengalaman sastera guru juga diteliti dari aspek apakah yang difahami mereka tentang sastera, bila mendengar/mengetahui sastera, faktor yang menggalakkan minat sastera, genre yang diminati serta bahasa karya sastera yang dibaca.

Di kalangan guru, 48.75% memahami sastera sebagai salah satu disiplin ilmu. Ini menunjukkan kalangan guru yang sudah berpengalaman (berusia) telah melihat ayat bahawa sastera adalah satu disiplin ilmu, sedangkan hanya 18% di kalangan pelajar yang memahami bahawa sastera ialah satu disiplin ilmu, dan 28.75% guru menerima bahawa sastera ialah salah satu cabang seni dan 18.3% memahami sastera sebagai antara hasilnya ialah puisi, cerpen, novel dan drama. Hanya 4.1% guru menerima sastera sebagai salah satu subjek di sekolah dan IPT. Butir-butir ini dapat dilihat dalam jadual 3.6.1.

Jadual 3.6.1 Kefahaman guru terhadap sastera

KEFAHAMAN	JUMLAH	PERATUS
Sastera sebagai salah satu cabang seni	69	28.75
Sastera sebagai salah satu disiplin ilmu	117	48.75
Sastera sebagai satu subjek di sekolah/IPT	10	4.1%
Antara hasil sastera ialah puisi, cerpen, novel dan drama	44	18.3
Lain-lain	-	-
	240	100

Jawapan tentang bilakah responden mula mengetahui dan mendengar tentang kesusasteraan Melayu dipaparkan dalam jadual 3.6.2. Seperti pelajar, sebahagian besar guru mula mendengar dan mengetahui kesusasteraan Melayu semasa di sekolah menengah. Perkara ini dijelaskan apabila 80.8% guru menyatakan mereka mengetahui sastera semasa berada di sekolah

menengah berbanding hanya 19.2 mengetahui sastera semasa di sekolah rendah.


Keadaan ini memperjelas bahawa di peringkat sekolah rendah bidang sastera tidak dimaklumkan atau diberitahu kepada murid sekolah secara langsung. Hanya apabila mereka masuk ke sekolah menengah barulah murid-murid mengetahui sastera. Bagaimanapun, aktiviti sastera seperti berpantun, bersyair, deklamasi puisi/ menulis cerita dan berdrama sebenarnya sudah dilakukan di peringkat sekolah rendah lagi.

Jadual 3.6.2 Tahap guru mula mendengar dan mengetahui sastera

TAHAP/PERINGKAT	JUMLAH	PERATUS
Sekolah Rendah	46	19.2
Sekolah Menengah	194	80.8
	240	100

Sumber daripada mana guru mula mendengar dan mengetahui sastera juga menunjukkan keadaan yang hampir sama seperti pengalaman pelajar. Sebanyak 71.4% guru juga mendengar dan mengetahui sastera daripada guru mereka di sekolah. Sementara itu media menyumbangkan 13.8% sebagai sumber pemberitahu tentang sastera kepada guru, 7.6% rakan-rakan sekolah dan 7.1 ibu bapa/ahli keluarga. Rakan sepejabat dan ketua jabatan tidak berperanan langsung dalam memberitahukan bidang sastera kepada guru.

Ini bermakna kalangan guru sudah mendengar dan mengetahui sastera seawalnya di peringkat sekolah rendah dan semakin meluas semasa berada di sekolah menengah. Maka secara tidak langsung peranan rakan sepejabat dan ketua jabatan tidak wujud dalam memberitahukan sastera kepada guru. Maklumat terperinci tentang ini dapat dilihat dalam carta 3.6.3.




Berdasarkan carta 3.6.3 juga kita dapat melihat peranan media sebagai sumber pemberitahu bidang sastera kepada guru. Media di dapati berperanan dengan agak berkesan dalam menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan sastera di Sarawak. Ibu bapa/ahli keluarga dan rakan-rakan sekolah juga memberi sedikit peranan dalam memperkenalkan sastera. Kedua-dua pihak ini turut menjadi sumber kepada guru bagi mengetahui sastera.

Faktor penggalak terhadap minat sastera di kalangan guru dipaparkan dalam carta 3.6.4. Dari segi kedudukan, faktor penggalak yang paling berpengaruh di kalangan guru dan pelajar adalah sama, iaitu diri sendiri. Tetapi dari segi peratusan, kedudukan pengaruh diri sendiri terhadap minat sastera di kalangan guru adalah lebih rendah berbanding pelajar. Pengaruh

diri sendiri di kalangan guru hanya 46.6% berbanding 67.8% di kalangan pelajar.

Pengaruh kedua tertinggi terhadap minat sastera guru adalah daripada guru iaitu sebanyak 30.4%. Faktor penggalak lain ialah media 14.5%, rakan sekolah 7.1% dan ibu bapa 1.4%. Berdasarkan dapatan ini, ternyata peranan media dalam menggalakkan minat sastera guru masih kuat biarpun hanya di tempat ketiga tertinggi peratusannya, sementara faktor ibu bapa adalah kecil berbanding rakan-rakan sekolah. Maka dalam hal menentukan minat kepada sastera ibu bapa mempunyai pengaruh yang amat kecil di kalangan guru.




Genre yang paling diminati oleh guru berdasarkan kedudukan ialah cerpen 60.9%, novel 19.40%, puisi 17.3% drama/teater 1.4% dan kritikan 1.4%. Seperti pelajar, guru juga lebih meminati genre cerpen berbanding genre lain. Drama/teater dan kritikan merupakan dua genre yang paling tidak

diminati oleh guru. Keadaan ini memperlihatkan juga bahawa guru-guru ada kecenderungan meminati genre yang berunsur cerita, cepat dibaca dan mudah diperoleh. Ini kerana cerpen memiliki ciri-ciri tersebut. Akhbar dan majalah hampir setiap minggu dan bulan menyiarcan cerpen.


Kekurangan minat terhadap novel berbanding cerpen mungkin disebabkan genre tersebut lebih panjang dan memerlukan masa untuk membacanya. Puisi, walaupun pendek, tetap tidak diminati kerana mungkin mesej atau maknanya sukar untuk ditanggapi oleh guru. Ini sekali gus mengurangkan minat guru untuk membaca atau menghayatinya. Bagi drama/teater serta kritikan sastera, dua genre ini sebenarnya agak sukar diperoleh berbanding cerpen, novel dan puisi. Skrip drama misalnya hampir tidak ada disiarkan dalam akhbar. Hanya dalam majalah skrip drama tersiar sekali sebulan.⁵

Kritikan sastera pula tidak diminati kerana genre ini memerlukan ilmu bantu tertentu untuk dapat memahami di samping memerlukan minat khusus. Ini mungkin menghalang guru untuk meminati bidang ini. Keseluruhan tahap minat guru terhadap genre sastera digambarkan dalam carta 3.6.5.



⁵Setakat ini hanya *Dewan Sastera* terbitan DBP sahaja yang ada menyiaran ruangan skrip drama/teater setiap bulan.

Carta 3.6.6 Genre yang mula-mula dibaca guru dalam pengalaman sastera




Carta 3.6.6 menunjukkan genre yang mula-mula dibaca oleh guru ketika baru mengenali bidang sastera. Cerpen juga merupakan genre paling tinggi peratusannya yang mula-mula dibaca oleh guru iaitu sebanyak 66.6%, disusuli genre novel 21.6% dan puisi 11.8%. Maka ada wajarnya apabila guru lebih banyak meminati genre cerpen berbanding genre lain kerana inilah genre yang mula-mula dibaca. Ini mungkin dapat dikaitkan dengan faktor guru lebih mudah memperoleh karya cerpen berbanding genre lain melalui akhbar dan majalah. Novel juga merupakan genre yang banyak dibaca oleh guru pada peringkat mula-mula mengenali bidang sastera. Ini mungkin disebabkan genre ini agak banyak di pasaran, di samping bagi pelajar sastera, kajian novel merupakan satu daripada sukanan mata pelajaran⁶ subjek tersebut. Ternyata drama/teater dan kritikan sastera tidak dibaca oleh guru pada mula-mula mengenali bidang sastera.

⁶Kajian novel sudah dimasukkan dalam sukanan mata pelajaran sastera sejak di Tingkatan 4.


Pada peringkat mula-mula mengenali sastera, sebahagian besar guru iaitu 80% daripada mereka membaca karya dalam bahasa Melayu. Perkara ini dapat dikaitkan dengan bahasa pengantar di sekolah menengah dan rendah semasa guru berkenaan bersekolah adalah 80% daripada mereka dalam bahasa Melayu. Selain itu karya dalam bahasa Melayu di pasaran dan perpustakaan jauh lebih banyak berbanding karya sastera dalam bahasa asing seperti Inggeris. Hanya 20% guru pada peringkat mula-mula mengenali sastera membaca karya dalam bahasa Inggeris. Butir-butir terperinci dipamerkan dalam carta 3.6.7.

Jadual 3.6.7 Bahasa karya sastera yang dibaca oleh guru ketika mula-mula mengenali sastera



Bagi guru yang masih lagi membaca karya sastera hingga sekarang, 87.63% daripada mereka masih membaca karya dalam bahasa Melayu. Ini bermakna sebahagian besar guru masih lagi membaca karya dalam bahasa Melayu. Hanya 8.5% guru yang membaca karya dalam bahasa Inggeris berbanding 15.2% guru yang membaca karya dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penurunan kadar membaca karya sastera dalam bahasa Inggeris berbanding pada peringkat mula-mula membaca karya sastera mungkin disebabkan karya sastera dalam bahasa

Inggeris di perpustakaan agak kurang serta harganya yang agak mahal di pasaran⁷. Perkara ini menghalang minat guru untuk membaca karya sastera dalam bahasa Inggeris. Sebab lain ialah mungkin penguasaan bahasa Inggeris guru agak lemah sekali gus menyekat minat membaca karya dalam bahasa tersebut. Maklumat lengkap tentang bahasa karya yang masih dibaca hingga sekarang ditunjukkan dalam carta 3.6.8.



Pengalaman sastera pelajar dan guru yang terlibat dalam kajian ini memperlihatkan pola yang hampir sama. Ini dapat dirumuskan dari segi tahap mereka mengenali sastera, genre yang mula-mula dibaca, genre yang paling diminati, faktor penggalak minat sastera serta bahasa karya yang dibaca. Keadaan ini menunjukkan tiada perbezaan yang besar dari segi pengalaman sastera pelajar dan guru. Secara kesimpulan awal dapat dirumuskan bahawa pelajar dan guru sudah didedahkan dengan kesusasteraan Melayu pada tahap awal (sekolah menengah). Minat serta kecenderungan mereka juga ternyata lebih kepada membaca karya sastera dalam bahasa Melayu. Ini sepatutnya mewajarkan mereka membaca karya-karya sastera yang diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak.

⁷Harga sebuah novel Inggeris karya penulis Barat sekitar RM20 hingga RM50, sedangkan harga novel dewasa dalam bahasa Melayu sekitar RM5.00 hingga RM35.00.

3.7 Pembacaan Novel Terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan Pelajar dan Guru

Bahagian ini akan meneliti sejauh manakah novel-novel terbitan DBP Sarawak dalam tempoh 1988 hingga 1998 diketahui, dibaca dan diminati oleh guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Data diperoleh daripada borang soal selidik A dan B pada Bahagian 3: Novel. Pada bahagian ini sebanyak lima (5) soalan dikemukakan kepada responden. Soalan adalah tentang judul-judul novel yang dibaca, novel yang paling seronok dibaca, sebab-sebab tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak dan novel yang bagaimana sesuai dibaca oleh masyarakat.

Dalam tempoh 1988 hingga 1998, sebanyak 20 judul novel telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak.⁸ Tetapi untuk kajian ini hanya 12 judul dipilih untuk digunakan sebagai sampel kajian. Pemilihan judul sebagai sampel adalah secara rawak tanpa mengambil kira tema cerita, pengarang dan unsur-unsur dalaman novel tersebut. Seboleh mungkin semua novel yang dipilih sebagai sampel terbit pada semua tahun dalam tempoh 1988 – 1998. Bagaimanapun, terdapat tiga tahun iaitu tahun 1994, 1995 dan 1996 tidak ada novel yang terbit pada tahun berkenaan dipilih sebagai sampel.

Senarai novel terbitan DBP Cawangan Sarawak yang terbit dalam tempoh 1988 hingga 1998 yang menjadi sampel dalam kajian ini, ditunjukkan dalam jadual 3.7.

⁸Sumber Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak.

Jadual 3.7 Novel yang dipilih sebagai sampel kajian

	JUDUL	PENGARANG	TAHUN TERBIT
1.	<i>Kerana Marina</i>	Zakeria Embi	1990
2.	<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992
3.	<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990
4.	<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989
5.	<i>Erti Pengorbanan</i>	Joanes Uno	1990
6.	<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998
7.	<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998
8.	<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993
9.	<i>Nyonya</i>	J.M. Chin	1988
10.	<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992
11.	<i>Zain Hashim: Novel Biografi</i>	Buang Haji Umar	1997
12.	<i>Bumi Bertuah</i>	Jang Ensiring	1991

Berdasarkan kajian ini didapati bahawa 62.4% responden daripada kalangan pelajar tidak membaca novel-novel terbitan DBP Cawangan Sarawak yang diterbitkan dalam tempoh 1988 hingga 1998. Hanya 37.6% pelajar yang membaca novel berkenaan. Bagi pelajar yang membaca novel tersebut, pecahan pembacaan mengikut judul ditunjukkan dalam jadual 3.7.1.

Novel yang paling banyak dibaca oleh pelajar ialah *Buaya Putih Buaya Kudung* karya Jong Chian Lai. Novel ini dibaca oleh sebanyak 8.2% responden. Terdapat dua buah novel yang tidak dibaca langsung oleh pelajar iaitu *Novel Biografi: Zain Hashim:* karya Buang Haji Umar dan *Nyonya* karya John M. Chin. Peratusan pembacaan novel lain adalah seperti yang berikut: *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlan) 5.6%, *Persimpangan* (Jais Sahok) 6%, *Kelingkang* (Douglas Jaga) 5.6%, *Memburu Kasih* (Jamilah

Morshidi) 3.8%, *Merah Senja di Hujung Cuti* (Jais Sahok) 1.4%, *Pelita Desa* (Jantan Umbat) 1.2% dan *Bumi Bertuah* (Janang Ensiring) 0.4%.

Jadual 3.7.1 Kadar pembacaan pelajar terhadap novel-novel terbitan DBP Cawangan Sarawak 1988 – 1998

JUDUL (NOVEL)	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
<i>Kerana Marina</i>	Zakeria Embi	1990	14	2.8
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992	41	8.2
<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990	19	3.8
<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989	29	5.6
<i>Erti Pengorbanan</i>	Joanes Uno	1990	13	2.5
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998	30	6
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998	28	5.6
<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993	7	1.4
<i>Nyonya</i>	John M. Chin	1988	0	0
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992	6	1.2
<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	Buang Hj. Umar	1997	0	0
<i>Bumi Bertuah</i>	Janang Ensiring	1991	2	0.4
			188	37.6%

Jadual 3.7.2 memaparkan pembacaan novel di kalangan guru. Bagi guru pula hanya 14.58% daripada mereka yang membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak. Baki 85.4% tidak membaca novel berkenaan. Kadar

ini jauh lebih rendah berbanding dengan tahap pembacaan novel di kalangan pelajar. Di kalangan pelajar 37.5% membaca novel-novel terbitan Sarawak 1988 – 1998. Ini bermakna perbezaan kadar pembacaan novel antara pelajar dengan guru ialah 23.02%.

Jika dilihat dari segi novel yang paling banyak dibaca oleh guru, novel *Catatan Seorang Patriot* karya Median Haji Dahlan menduduki tempat teratas. Novel ini dibaca oleh 3.3% guru. Novel *Buaya Putih Buaya Kudung* karya Jong Chian Lai dan *Persimpangan* karya Jais Sahok berada di tempat kedua dengan 2.5%. Kadar bacaan bagi novel-novel lain adalah seperti yang berikut: *Memburu Kasih* (Jamilah Morshidi) 2.08%, *Erti Pengorbanan* (Joanes Uno) 1.25%, *Kelingkang* (Douglas Jaga) 0.83%, *Kerana Marina* (Zakeria Embi) 0.4%, *Pelita Desa* (Jantan Umbat) 0.4% *Novel Biografi: Zain Hashim* (Buang Haji Umar) 0.4% dan *Bumi Bertuah* (Janang Ensiring) 0.83%.

Dua buah novel tidak dibaca langsung oleh guru yang terlibat dalam kajian ini ialah *Nyonya* (John M. Chin) dan *Merah Senja di Hujung Cuti* (Jais Sahok). Novel *Nyonya* juga tidak dibaca langsung oleh pelajar. Ini bermaksud novel ini tidak dibaca oleh kedua-dua kategori responden. Novel ini tidak dibaca oleh guru dan pelajar mungkin kerana mereka tidak menemui novel ini sama ada di perpustakaan ataupun di pasaran. *Nyonya* ialah novel terjemahan daripada bahasa Inggeris yang terbit pertama kali pada tahun 1964 semasa BLB masih wujud. Versi bahasa Melayu diterbitkan oleh DBP Sarawak pada tahun 1988.

Novel Biografi: Zain Hashim (Buang Haji Umar) tidak dibaca mungkin kerana faktor yang sama iaitu tidak ditemui di perpustakaan ataupun di pasaran. Walaupun novel ini terbit pada tahun 1997 tetapi ia hanya berada di

pasaran pada penghujung tahun 1998.⁹ Ini menyebabkan pelajar tidak menemui novel ini. Faktor lain ialah mungkin kerana novel jenis biografi agak baru kepada pelajar maka mereka kurang tertarik untuk membacanya. Sementara itu novel Jais Sahok iaitu *Merah Senja di Hujung Cuti* tidak dibaca oleh guru mungkin kerana tema dan persoalan novel ini bersifat keremajaan yang tidak menarik minat guru untuk membacanya.

Jadual 3.7.2 Kadar pembacaan guru terhadap novel-novel terbitan DBP Cawangan Sarawak 1988 – 1988

JUDUL (NOVEL)	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
<i>Kerana Marina</i>	Zakaria Embi	1990	1	0.4
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992	6	2.5
<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990	5	2.08
<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989	8	3.3
<i>Erti Pengorbanan</i>	Joanes Uno	1990	3	1.25
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998	6	2.5
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998	2	0.83
<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993	0	0
<i>Nyonya</i>	John M. Chin	1988	0	0
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992	1	0.4
<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	Buang Hj. Umar	1997	1	0.4
<i>Bumi Bertuah</i>	Janang Ensiring	1991	2	0.83
			35	14.58

⁹Rekod kad BIN Unit Stor DBP Cawangan Sarawak menunjukkan novel ini masuk ke stok pada 15 November 1998.

Bagi novel yang paling banyak dibaca oleh guru dan pelajar juga tidak terdapat perbezaan yang ketara. Pelajar paling banyak membaca novel *Buaya Putih Buaya Kudung* karya Jong Chian Lai dengan kadar 8.2%. Guru pula lebih ramai membaca novel *Catatan Seorang Patriot* karya Median Haji Dahlan dengan kadar 3.3%. Di tempat kedua paling banyak dibaca pula, guru memilih novel *Buaya Putih Buaya Kudung* karya Jong Chian Lai dan *Persimpangan* karya Jais Sahok dengan kadar 2.5%. Di kalangan murid novel yang kedua paling banyak dibaca ialah novel *Catatan Seorang Patriot* dengan kadar 5.6%.

Rekod baki terakhir pada kad bin novel *Buaya Putih Buaya Kudung* juga memperlihatkan buku ini memang paling banyak keluar. Daripada 3000 naskhah yang dicetak, baki terakhir¹⁰ ialah sebanyak 218. Maknanya novel ini berada di tangan pembaca sebanyak 2782 naskhah. Novel *Catatan Seorang Patriot* pula yang dicetak sebanyak 3000 naskhah meninggalkan baki terakhir kepada 835 naskhah. Novel ini berada di tangan pembaca sebanyak 2165 naskhah. Butir-butir tentang baki terakhir novel dipaparkan dalam jadual 3.7.3.

¹⁰Baki terakhir yang digunakan bertarikh 30.12.1999.

**Jadual 3.7.3 Baki terakhir novel seperti yang direkodkan pada kad BIN
Unit Stor DBP Sarawak**

BIL	JUDUL (NOVEL)	JUMLAH CETAK	BAKI STOK
1.	<i>Kerana Marina</i>	3000	58
2.	<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	3000	218
3.	<i>Memburu Kasih</i>	1000	145
4.	<i>Catatan Seorang Patriot</i>	3000	835
5.	<i>Erti Pengorbanan :</i>	1000	13
6.	<i>Persimpangan</i>	1000	171
7.	<i>Pelarian Dari Bumi</i>	1000	202
8.	<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	1000	219
9.	<i>Nyonya</i>	1000	47
10.	<i>Pelita Desa</i>	2697	2443
11.	<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	1100	394
12.	<i>Bumi Bertuah</i>	1000	326

Berdasarkan novel yang paling banyak dibaca oleh pelajar, memperlihatkan kecenderungan minat mereka kepada karya berunsur legenda. Novel *Buaya Putih Buaya Kudung* mengisahkan keganasan dan kehebatan seekor buaya. Pada masa yang sama, penduduk di Sarawak dihebohkan dengan kisah legenda buaya yang terkenal iaitu Bujang Senang.¹¹ Mungkin kerana ketika itu heboh tentang buaya, maka novel Jong Chian Lai yang terbit pada tahun 1992 ini mempunyai daya penarik khusus

¹¹Kisah Bujang Senang iaitu seekor buaya yang dikatakan besar dan berpuaka heboh diperbualkan di Sarawak penghujung tahun 1980. Buaya ini dikatakan hidup di Sungai Batang Lutar Sarawak.

kepada pelajar. Isu semasa yang dimuatkan dalam novel tersebut telah menjadi penarik kepada pelajar untuk membaca novel berkenaan.

Kecenderungan guru pula dilihat lebih kepada novel yang berunsur realistik. Novel *Catatan Seorang Patriot* ialah catatan pengalaman pengarangnya iaitu Median Haji Dahlan semasa berkhidmat sebagai anggota polis hutan. Dalam novel ini dikisahkan detik-detik cemas pengarang dan pasukannya menentang ancaman komunis di Sarawak. Beberapa peristiwa sejarah tentang Sarawak ditonjolkan dalam novel ini. Inilah yang mungkin menjadi tarikan guru untuk membaca novel *Catatan Seorang Patriot* karya Median Haji Dahlan.

Jadual 3.7.4 menunjukkan novel-novel yang paling seronok dibaca bagi pelajar yang membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak. Tahap keseronokan membaca novel-novel tersebut juga menunjukkan trend yang sama seperti data pada novel-novel terbitan DBP Sarawak yang pernah dibaca oleh pelajar. Kadar peratusan keseronokan membaca novel tersebut selari dengan peratusan novel-novel yang pernah dibaca oleh pelajar. Ini menunjukkan bahawa keseronokan membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak yang terlibat dalam kajian ini bergantung pada novel yang dibaca oleh pelajar itu sahaja. Kemungkinan yang timbul di sini ialah seorang pelajar hanya kebetulan membaca sebuah novel yang tersenarai sebagai sampel kajian. Jadi mereka mungkin mengatakan novel tersebut adalah yang paling seronok dibaca disebabkan pelajar berkenaan tidak membaca novel-novel lain yang juga disenaraikan sebagai sampel.

Novel *Buaya Putih Buaya Kudung* karya Jong Chian Lai merupakan novel yang paling seronok dibaca oleh pelajar. Sejumlah 21.8% responden memilih novel ini sebagai karya yang paling seronok dibaca. Dalam maklumat novel yang paling banyak dibaca oleh pelajar, novel ini juga menduduki tempat teratas dengan 8.2%. Keselarian data yang diberikan dengan jelas menunjukkan bahawa peratusan keseronokan membaca novel tersebut dipengaruhi oleh kadar novel yang dibaca oleh pelajar.

Novel yang tidak seronok dibaca juga ialah novel yang tidak dibaca oleh pelajar seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.7.1 sebelum ini. Dua buah novel yang mendapat markah "O" dari segi keseronokan membaca ialah *Nyonya* (John M. Chin) dan *Novel Biografi: Zain Hashim* (Buang Haji Umar). Perkara ini berlaku kerana pelajar memang tidak membaca novel tersebut jadi mereka tidak memberikan jawapan bahawa mereka seronok novel berkenaan.

Kadar keseronokan membaca novel lain ialah *Kerana Marina* (Zakeria Embi) 8.51%, *Memburu Kasih* (Jamilah Morshidi) 11.17%, *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlan) 14.89%, *Persimpangan* (Jais Sahok) 15.95%, *Kelingkang* (Douglas Jaga) 14.89%, *Merah Senja di Hujung Cuti* (Jais Sahok) 2.12%, *Pelita Desa* (Jantan Umbat) 2.65%, *Bumi Bertuah* (Janang Ensiring) 1.06% dan *Erti Pengorbanan* (Joanes Uno) 6.91%.

Jumlah 3.7.4 Novel yang paling seronok dibaca oleh pelajar

JUDUL (NOVEL)	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
<i>Kerana Marina</i>	Zakeria Embi	1990	16	8.51
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992	41	21.8
<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990	21	11.17
<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989	28	14.89
<i>Erti Pengorbanan</i>	Joanes Uno	1990	30	15.95
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998	28	14.89
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998	4	2.12
<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993	0	0
<i>Nyonya</i>	John M. Chin	1988	5	2.65
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992	0	0
<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	Buang Hj. Umar	1997	2	1.06
<i>Bumi Bertuah</i>	Janang Ensiring	1991	13	6.91
			188	100

Kadar keseronokan membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak dalam tempoh 1988 hingga 1998 di kalangan guru ditunjukkan dalam jadual 3.7.5. Trend yang sama seperti data yang diberikan pelajar juga berlaku terhadap guru. Kadar (peratusan) keseronokan membaca juga dipengaruhi oleh novel yang dibaca oleh guru. Maka novel yang paling seronok dibaca juga adalah novel yang paling banyak dibaca seperti terdapat dalam jadual

3.7.2. *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlan) merupakan novel yang paling seronok dibaca oleh guru. Sebanyak 22.85% responden memilih novel ini, sementara novel yang tidak mendapat markah keseronokan membaca ialah *Merah Senja di Hujung Cuti* (Jais Sahok) dan *Nyonya* (John M. Chin). Ini adalah selari dengan jawaban guru yang menunjukkan dua buah novel tersebut juga tidak dibaca oleh mereka.

Novel lain juga menunjukkan bahawa kadar keseronokan membaca turut dipengaruhi oleh novel yang pernah dibaca oleh responden iaitu *Kerana Marina* (Zakeria Embi) 2.85%, *Buaya Putih Buaya Kudung* (Jong Chian Lai) 17.14%, *Memburu Kasih* (Jamilah Morshidi) 14.28%, *Persimpangan* (Jais Sahok) 17.14%, *Kelingkang* (Douglas Jaga) 5.71%, *Pelita Desa* (Jantan Umbat) 2.85%, *Novel Biografi: Zain Hashim* (Buang Haji Umar) 2.85%, *Bumi Bertuah* (Janang Ensiring) 5.71% dan *Erti Pengorbanan* (Joanes Uno) 8.57%.

Jelas bahawa kadar keseronokan membaca novel pelajar dan guru dipengaruhi oleh novel yang mereka baca. Maka jawapan bagi novel-novel yang dibaca dengan novel-novel yang seronok dibaca adalah selaras. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pelajar dan guru memberikan jawapan bagi soalan novel-novel yang paling seronok hanya berdasarkan novel yang dibaca oleh mereka yang mungkin hanya satu judul sahaja. Novel lain yang tersenarai sebagai sampel kajian ini dikatakan tidak seronok dibaca semata-mata kerana mereka tidak membaca novel tersebut.

Jadual 3.7.5 Novel yang paling seronok dibaca oleh guru

JUDUL (NOVEL)	PENGARANG	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
<i>Kerana Marina</i>	Zakeria Embi	1990	1	2.85
<i>Buaya Putih Buaya Kudung</i>	Jong Chian Lai	1992	6	17.14
<i>Memburu Kasih</i>	Jamilah Morshidi	1990	5	14.28
<i>Catatan Seorang Patriot</i>	Median Hj. Dahlan	1989	8	22.85
<i>Erti Pengorbanan</i>	Joanes Uno	1990	3	17.14
<i>Persimpangan</i>	Jais Sahok	1998	6	5.71
<i>Kelingkang</i>	Douglas Jaga	1998	2	0
<i>Merah Senja di Hujung Cuti</i>	Jais Sahok	1993	0	0
<i>Nyonya</i>	John M. Chin	1988	0	2.85
<i>Pelita Desa</i>	Jantan Umbat	1992	1	2.85
<i>Novel Biografi: Zain Hashim</i>	Buang Hj. Umar	1997	1	5.71
<i>Bumi Bertuah</i>	Janang Ensiring	1991	2	8.57
			35	100

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar seronok membaca novel terbitan DBP Sarawak dipaparkan dalam jadual 3.7.6. Faktor yang paling kuat mempengaruhi keseronokan membaca novel di kalangan pelajar adalah kerana jalan cerita novel yang mudah dan menarik. Faktor ini dipilih oleh 38.29% responden. Di tempat kedua faktor yang menimbulkan keseronokan membaca ialah teknik cerita yang menarik dengan 29.78%. Faktor lain ialah

tema dan persoalan yang menarik (25%), bahasa yang mudah (5.85%) dan lain-lain (1.06%).

Berdasarkan data tersebut, keseronokan membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak yang menjadi sampel kajian ini di kalangan pelajar disebabkan tiga faktor. Faktor itu ialah jalan cerita yang mudah, tema dan persoalan yang menarik dan teknik cerita yang menarik. Jika diambil satu sampel novel yang paling seronok dibaca pelajar iaitu *Buaya Putih Buaya Kudung* (Jong Chian Lai), didapati bahawa tiga faktor tersebut adalah selaras dan berkaitan.

Buaya Putih Buaya Kudung membawa tema dan persoalan tentang buaya yang boleh berhubung dengan manusia iaitu Kasau (watak utama) yang mahu menyiasat kematian bapanya. Tema dan persoalan ini menarik kerana ia berkaitan dengan legenda Bujang Senang yang dipercayai oleh masyarakat tempatan sebagai benar-benar wujud. Jalan cerita novel ini juga mudah kerana penceritaannya adalah secara langsung dengan plot cerita yang juga mudah. Selain itu novel ini turut mengeksplorasi teknik penceritaan dengan menggunakan unsur mimpi, fikiran bawah sedar dan imaginasi yang berkesan.¹² Tiga faktor yang menyeronokkan pelajar secara umum telah termuat dalam novel ini.

Jadual 3.7.6 Faktor mengapa pelajar seronok membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

¹²Hazami Jahari, “*Buaya Putih Buaya Kudung; Watak yang wajar*,” *Utusan Sarawak* (YIIB) 8 Mac 1993.

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang menarik	47	25
Jalan cerita yang mudah dan menarik	72	38.29
Bahasa yang mudah	11	5.85
Teknik cerita yang menarik	56	29.78
Lain-lain	2	1.08
	188	100

Di kalangan guru pula, faktor utama yang menyebabkan mereka seronok membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak ialah tema dan persoalan novel yang menarik. Faktor ini dipilih oleh 57.14% responden. Sementara di tempat kedua ialah faktor jalan cerita yang mudah dan menarik dengan 28.57%. Seterusnya faktor teknik cerita yang menarik berjumlah 11.42% dan lain-lain berjumlah 2.85%. Maklumat ini ditunjukkan dalam jadual 3.7.7.

Faktor keseronokan membaca di kalangan guru juga didasari oleh tiga faktor iaitu jalan cerita, tema dan persoalan dan teknik cerita. Dengan mengambil novel *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlan) iaitu novel yang paling seronok dibaca oleh guru, didapati unsur-unsur tersebut memang wujud dalam novel ini. Tema novel ini menarik kerana ia mengisahkan pengalaman sebenar seorang anggota pasukan polis hutan yang berkhidmat menentang ancaman komunis di Sarawak tahun 1960-an hingga awal 1970-an. Jalan ceritanya juga mudah kerana ia menggunakan plot mudah melalui penyusunan peristiwa mengikut turutan masa. Ini ditambah lagi dengan teknik cerita yang menarik dengan penerapan unsur-unsur suspen yang

berkesan, khususnya apabila pengarang menceritakan detik-detik cemas berperang dengan komunis. Maka gabungan unsur tersebut menjadi faktor penarik kepada kalangan guru untuk membaca novel tersebut.

Jadual 3.7.7 Faktor mengapa guru seronok membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang menarik	20	57.14
Jalan cerita yang mudah dan menarik	10	28.57
Bahasa yang mudah	4	11.24
Teknik cerita yang menarik	0	0
Lain-lain	1	2.85
	35	100

Faktor mengapa mereka seronok membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak di kalangan pelajar dan guru adalah hampir sama. Cuma bagi guru faktor utama ialah kerana tema yang menarik sementara pelajar memilih jalan cerita novel yang mudah dan menarik. Tetapi tiga faktor utama yang mempengaruhi keseronokan membaca adalah sama walaupun dalam peratusan yang sedikit berbeza bagi faktor-faktor berkenaan.

Jadual 3.7.8 menunjukkan sebab-sebab mengapa pelajar tidak membaca novel-novel penulis Sarawak. Sebab utama yang diberikan oleh pelajar ialah mereka tidak tahu novel tersebut ada di pasaran ataupun di perpustakaan. Sebab ini diberikan oleh 26% responden. Sebab kedua tertinggi iaitu sebanyak 24% ialah pelajar tidak menemui novel tersebut di

pasaran ataupun di perpustakaan walaupun mereka tahu mengenai penerbitan novel berkenaan. Ini memperlihatkan bahawa sebab utama pelajar tidak membaca novel ialah mereka tidak mengetahui serta menemui novel tersebut sama ada di pasaran (kedai buku) ataupun di perpustakaan.

Sebab-sebab yang berkaitan dengan teks itu sendiri tidak begitu mempengaruhi minat membaca novel di kalangan pelajar. Bagi pelajar 10.8% mengatakan mereka tidak membaca novel disebabkan tema dan persoalan yang tidak menarik, 10.2% pula kerana teknik penceritaan yang membosankan dan 7.8% memberikan sebab cerita itu tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan.

Keseluruhannya 28.8% memberikan sebab kelemahan teks (karya) sebagai punca mereka tidak membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak. Sebab-sebab lain yang diberikan oleh pelajar ialah cerita terlalu panjang dan tidak ada masa untuk membaca 8.4%, tidak mendapat faedah yang besar daripada pembacaan itu 1.2%, tidak ada duit untuk membeli novel 8.4%, dan sebab-sebab lain 0.4%.

Sebab-sebab di luar teks memberikan kesan yang agak besar juga terhadap minat membaca novel di kalangan pelajar. Faktor tidak ada masa membaca novel yang terlalu panjang menjadi punca utama dalam bahagian ini. Pelajar berasa membaca novel mengambil masa yang panjang mungkin disebabkan dalam masa yang sama mereka terikat dengan jadual harian sebagai pelajar. Sebab ini mungkin munasabah kerana sistem persekolahan sekarang banyak menuntut pelajar terlibat dengan aktiviti kurikulum dan kokurikulum sepanjang hari di sekolah. Keadaan ini menghalang minat

pelajar untuk membaca novel atas desakan aktiviti sekolah yang padat setiap hari.

Pelajar juga memberikan peratusan yang tinggi kepada ketiadaan duit untuk membeli novel sebagai sebab tidak membaca novel. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pelajar memang tidak mempunyai wang khusus untuk membeli novel. Di samping itu harga novel yang agak tinggi bagi pelajar juga mungkin menjadi penghalang. Walaupun mereka mungkin boleh meminjam di perpustakaan sekolah, novel berkenaan mungkin tidak ada dalam koleksi perpustakaan sekolah atau telah dipinjam oleh pengguna lain.

Jadual 3.7.8 Sebab-sebab pelajar tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

SEBAB	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	54	10.8
Bahasanya yang susah	14	2.8
Terlalu panjang dan tidak ada masa untuk membaca	42	8.4
Teknik penceritaan yang membosankan	51	10.2
Tidak mendapat faedah yang besar daripada pembaca	6	1.2
Tidak tahu novel itu ada di pasaran/perpustakaan	130	26
Tidak menemui novel itu di pasaran/perpustakaan	120	24
Tidak ada duit untuk membeli novel	42	8.4

SEBAB	JUMLAH	PERATUS
Cerita tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	39	7.8
Lain-lain	2	0.4
	500	100

Jadual 3.7.9 pula memaparkan sebab mengapa guru tidak membaca novel. Sama seperti pelajar, kalangan guru juga menyatakan mereka tidak tahu novel tersebut ada di pasaran atau perpustakaan sebagai sebab utama mereka tidak membaca novel. Sebab ini dipilih oleh 36.66% responden. Bagaimanapun, di tempat kedua tertinggi, guru memilih tema dan persoalan yang tidak menarik dengan 20.4% responden. Seterusnya sebab lain yang diberikan ialah novel terlalu panjang dan tidak ada masa untuk membaca 19.6%, teknik cerita yang membosan 7.9%, tidak menemui novel tersebut di pasaran/perpustakaan 6.25%, cerita tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan cerita yang dikemukakan 7.5% dan tidak mendapat faedah yang besar daripada pembacaan tersebut 1.25%. Hanya 0.83% memberikan sebab-sebab lain. Sementara itu, tidak ada responden yang memberikan sebab tidak ada duit untuk membeli novel dan bahasa yang susah sebagai punca mereka tidak membaca novel.

Sebab-sebab mengapa guru tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 juga hampir selari dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar. Kedua-dua kategori responden menyatakan mereka tidak tahu bahawa novel berkenaan ada di pasaran ataupun di perpustakaan sebagai sebab utama. Keadaan ini menjelaskan bahawa novel tersebut tidak diberi

publisiti yang meluas atau mungkin publisiti itu tidak sampai kepada pengetahuan guru dan pelajar berkenaan. Oleh hal yang demikian minat mereka untuk membaca novel tersebut tidak terasing.

Berbanding pelajar, guru lebih memberatkan aspek dalaman teks (karya) sebagai punca kedua tertinggi mengapa mereka tidak membaca novel. Guru memberikan alasan tema dan persoalan, teknik cerita yang membosankan, cerita yang tidak dapat menimbulkan kesan perasaan dan tidak mendapat manfaat daripada pembacaan itu sebagai sebab. Ini menggambarkan penekanan guru kepada aspek isi. Timbul tanggapan di kalangan guru bahawa novel-novel terbitan DBP Sarawak tidak begitu baik isinya.

Guru juga memberikan sebab tidak mempunyai masa untuk membaca novel yang terlalu panjang sebagai punca tidak membaca novel. Sebab ini mungkin ada kaitannya dengan tugas harian guru yang selain mengajar, turut terlibat mengendalikan kegiatan kokurikulum di sekolah. Bebanan tugas guru membantutkan peluang untuk membaca novel yang memerlukan masa yang agak panjang dan suasana yang memberangsangkan.

Jadual 3.7.9 Sebab-sebab guru tidak membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

SEBAB	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	49	20.5
Bahasanya yang susah	-	-

SEBAB	JUMLAH	PERATUS
Terlalu panjang dan tidak ada masa untuk membaca	46	19.2
Teknik penceritaan yang membosankan	19	7.9
Tidak mendapat faedah yang besar daripada pembaca	3	1.25
Tidak tahu novel itu ada di pasaran/perpustakaan	88	36.66
Tidak menemui novel itu di pasaran/perpustakaan	15	6.25
Tidak ada duit untuk membeli novel	-	-
Cerita tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	18	7.5
Lain-lain	2	0.83
	240	100

Tentang novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat, pelajar memilih novel yang bertemakan kemasyarakatan dan mengambil permasalahan masyarakat tempatan sebagai novel yang menarik untuk dibaca. Sebanyak 41% responden memilih novel yang menggunakan tema ini. Di tempat kedua ialah novel yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan sebagai novel yang menarik untuk dibaca masyarakat. Novel yang menggunakan tema ini dipilih oleh 28% responden. Sejumlah 12.6% responden memilih novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah novel yang mudah jalan ceritanya. Jawapan lain yang diberikan oleh pelajar ialah novel

yang mengisahkan suku kaum di Sarawak 7.6%, novel yang pendek iaitu tidak berjela-jela 5.8%, novel yang mudah bahasanya 3.8% dan lain-lain 2%.

Berdasarkan jawapan yang diberikan, pelajar cenderung memilih aspek tema yang berkaitan masyarakat tempatan sebagai novel yang menarik dan sesuai dibaca. Ini selari dengan jawaban yang diberikan oleh pelajar pada soalan satu (1) berkaitan dengan novel yang paling seronok dibaca. Pelajar memilih novel *Buaya Putih Buaya Kudung* (Jong Chian Lai) sebagai karya yang paling menyeronokkan. Tema yang dikemukakan dalam novel tersebut ialah tentang masyarakat tempatan, iaitu persoalan hubungan manusia dengan buaya. Maka ada keselarian jawapan yang jelas antara novel yang paling seronok dibaca dengan novel yang menarik dan sesuai yang diberikan oleh pelajar.

Bagi pelajar, tema dan persoalan ialah elemen penting yang menentukan sesebuah novel menarik untuk dibaca ataupun sebaliknya. Berkaitan dengan tema juga di tempat kedua tertinggi pelajar memilih novel yang mampu menyentuh perasaan pembaca sebagai novel yang menarik. Hal ini terjadi mungkin kerana pelajar biasanya gemar membaca cerita-cerita yang mampu menyentuh dan mempengaruhi perasaan marah, benci, kasih, cinta dan lain-lain, sesuai dengan jiwa remaja mereka. Pelajar juga mengambil kira faktor teknik sebagai pertimbangan menilai sesebuah novel. Bagi pelajar, novel yang sesuai dan menarik ialah novel yang mudah jalan ceritanya. Perkara ini wajar kerana pelajar biasanya tidak begitu gemar membaca novel yang berat dan mempunyai jalan cerita yang rumit. Faktor masa lapang yang terbatas turut dilihat sebagai penentu sesebuah novel itu

sama ada menarik atau sebaliknya. Sebahagian pelajar berasa novel yang menarik ialah novel yang perjedek.

Jadual 3.7.10 Novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat menurut pelajar

NOVEL	JUMLAH	PERATUS
Novel yang pendek dan tidak berjela-jela	25	5
Novel yang bertemakan kemasyarakatan dan mengambil permasalahan masyarakat tempatan	205	41
Novel yang mudah jalan ceritanya	63	12.6
Novel yang mudah bahasanya	19	3.8
Novel yang mengisahkan suku kaum peribumi di Sarawak	38	7.6
Novel yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	140	28
Lain-lain	10	2
	500	100

Jadual 3.7.11 memaparkan pandangan guru terhadap novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat. Guru juga memberikan jawapan bahawa novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah novel bertemakan kemasyarakatar dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan. Pilihan guru ini sama dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar seperti dalam jadual 3.7.10. Sejumlah 49.16% guru memilih jawaban ini. Keadaan ini menunjukkan guru juga cenderung kepada cerita yang bertemakan kemasyarakatan yang mengambil permasalahan masvaraka tempatan di Sarawak.

Jawapan guru ini juga selari dengan jawapan yang diberikan oleh mereka pada soalan dua (2) berkaitan novel yang seronok dibaca. Guru memilih novel *Catatan Seorang Patriot* (Median Haji Dahlani) sebagai novel yang paling menyeronokkan. Novel ini juga mengisahkan permasalahan masyarakat tempatan di Sarawak yang menghadapi masalah ancaman komunis tahun 1960-an dan 1970-an. Kecenderungan kepada permasalahan masyarakat tempatan mungkin disebabkan guru berasa lebih dekat dengan karya itu kerana pengalaman yang dicurahkan itu mungkin pernah dialami oleh mereka sendiri, atau pengalaman tersebut pernah mereka dengar daripada orang lain.

Novel yang khusus mengisahkan suku kaum peribumi Sarawak berada di tempat kedua tertinggi sebagai novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat. Guru juga berasa bahawa novel yang menarik ialah novel yang dapat menyentuh perasaan sama ada marah, benci, cinta dan kasih di hati pembaca. Sejumlah 16.6% guru memilih jawapan ini. Jawapan ini sama seperti yang diberikan oleh pelajar.

Jawapan lain yang diberikan oleh guru berkaitan novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah novel yang mudah jalan ceritanya 14.58%, novel yang mudah bahasanya 7.9%, novel yang pendek iaitu tidak berjela-jela 7.5% dan novel yang mengisahkan suku kaum di Sarawak 4.16%.

Jadual 3.7.11 Novel yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru

NOVEL	JUMLAH	PERATUS
Novel yang pendek dan tidak berjela-jela	18	7.5
Novel yang bertemakan kemasyarakatan dan mengambil permasalahan masyarakat tempatan	118	49.16
Novel yang mudah jalan ceritanya	35	14.58
Novel yang mudah bahasanya	19	7.9
Novel yang mengisahkan suku kaum peribumi di Sarawak	10	4.16
Novel yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	40	16.7
Lain-lain	-	-
	240	100

Pelajar dan guru mempunyai persepsi yang hampir sama tentang novel yang menyeronokkan. Kedua-dua kategori responden memilih faktor tema yang berkaitan dengan masyarakat tempatan sebagai ciri novel yang menarik dan sesuai untuk dibaca. Ini menggambarkan bahawa pelajar dan guru berasa seronok membaca novel-novel yang ada kaitan dengan pengalaman mereka serta berlatarkan tempat (negeri) sendiri.

Soal kemampuan menjentik atau mempengaruhi perasaan pembaca, dilihat oleh pelajar dan guru sebagai faktor kedua terpenting yang menentukan menarik atau sebaliknya sesebuah novel. Responden berasa novel harus dapat menimbulkan perasaan marah, benci, cinta, semangat dan lain-lain untuk dapat menarik hati pembaca. Keselarian pandangan terhadap novel yang menarik dan sesuai dibaca masyarakat menggambarkan persepsi

dan kehendak responden terhadap novel-novel yang diterbitkan oleh DBP Sarawak. Responden mengharapkan novel haruslah berlatarbelakangkan permasalahan masyarakat di Sarawak.

3.7.1 Rumusan

Keseluruhan jawapan responden terhadap soalan-soalan tersebut memperlihatkan sambutan mereka terhadap novel-novel terbitan DBP Sarawak memang tidak baik. Di kalangan guru hanya 14.58% yang membaca novel-novel berkenaan. Manakala 85.4% tidak membaca novel-novel tersebut. Suasana agak positif ditunjukkan oleh pelajar apabila 37.6% mereka membaca novel terbitan DBP Sarawak yang menjadi sampel kajian. Ringkasan butiran tentang kadar pembacaan novel pelajar dan guru ditunjukkan dalam jadual 3.7.12.

Jadual 3.7.12 Rumusan data pembacaan novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan pelajar dan guru

RESPONDEN	JUMLAH KESELURUHAN RESPONDEN	MEMBACA NOVEL		TIDAK MEMBACA NOVEL	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
Pelajar	500	188	37.6	312	62.4
Guru	240	35	14.58	205	85.42
JUMLAH BESAR	740	223	30.13	517	69.86

Faktor luar karya didapati menjadi sebab pelajar dan guru tidak membaca novel berkenaan. Kedua-dua kategori responden memberikan sebab bahawa mereka tidak tahu novel-novel berkenaan ada di pasaran

mahupun di perpustakaan. Masing-masing guru (36%) dan pelajar (26%) menyatakan sebab tersebut sebagai punca utama mereka tidak membaca novel. Faktor dalaman karya hanya menyumbang antara 1% hingga 20% sebagai sebab responden tidak membaca novel. Faktor dalaman yang dimaksudkan ialah tema dan persoalan yang tidak menarik, bahasa yang susah, terlalu panjang, teknik penceritaan yang membosankan, cerita yang tidak dapat menimbulkan perasaan tertentu kepada pembaca dan tidak mendapat faedah yang banyak daripada pembacaan itu.

Faktor luaran karya ialah ketidaktahuan responden bahawa novel berkenaan ada di pasaran mahupun perpustakaan, tidak menemui novel tersebut di pasaran mahupun perpustakaan dan tidak ada duit untuk membeli novel. Walaupun hanya ada tiga faktor luar karya, tetapi didapati faktor inilah yang memberikan pengaruh besar kepada tahap sambutan guru dan pelajar terhadap novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 yang menjadi sampel kajian. Tiga sebab yang terdapat dalam faktor luaran karya itu membentuk antara 1% hingga 36% mengapa responden tidak membaca novel tersebut.

Keadaan pembacaan novel bagi responden juga tidak begitu memberangsangkan. Di kalangan pelajar, hanya 28% yang membaca novel tersebut hingga selesai, bagi guru pula hanya 21% yang membaca novel hingga selesai. Keadaan ini memperlihatkan minat yang tidak begitu mendalam di kalangan responden.

Novel yang paling banyak dibaca oleh pelajar ialah *Buaya Putih Buaya Kudung*. Novel ini dibaca oleh 8.2% pelajar manakala guru memilih novel *Catatan Seorang Patriot* dengan kadar pembacaan 8%. Kedua-dua kategori responden pula tidak membaca langsung novel *Nyonya*.

Pelajar paling seronok membaca novel *Buaya Putih Buaya Kudung*. Sejumlah 21% pelajar yang membaca novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 memilih novel ini. Bagi guru pula sejumlah 22.85% memilih novel *Catatan Seorang Patriot* sebagai karya yang paling menyeronokkan.

Faktor utama mengapa pelajar seronok membaca novel berkenaan ialah jalan cerita novel yang mudah dan menarik. Faktor ini dipilih oleh 38.29% pelajar. Guru pula memilih faktor tema dan persoalan yang menarik sebagai sebab utama. Faktor ini dipilih oleh 57.14% guru. Walau bagaimanapun, teknik cerita yang menarik juga mempengaruhi keseronokan responden membaca novel berkenaan.

Faktor utama mengapa pelajar tidak membaca novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 dipengaruhi oleh faktor luar teks (karya). Sejumlah 50% responden menyatakan mereka tidak tahu tentang penerbitan novel berkenaan dan bagi pelajar yang tahu pula, mereka tidak menemui novel tersebut di pasaran atau perpustakaan. Di kalangan guru, sebab utama mereka tidak membaca novel berkenaan juga kerana faktor tidak tahu tentang adanya penerbitan novel berkenaan. Sejumlah 36.66% guru memberikan faktor ini. Faktor lain yang turut mempengaruhi mengapa pelajar dan guru tidak membaca novel berkenaan ialah kerana tema dan persoalan yang tidak menarik serta novel yang terlalu panjang dan tidak ada masa untuk membaca.

Bagi pelajar, novel yang menarik dan sesuai dibaca ialah novel yang bertemakan kemasyarakatan dan mengambil permasalahan masyarakat tempatan. Ciri ini dipilih oleh 41% pelajar. Guru juga memilih ciri yang sama sebagai novel yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat. Ciri ini dipilih oleh 49.16%. Keadaan ini menunjukkan persepsi serta kehendak kedua-dua responden adalah hampir sama.

Permasalahan masyarakat tempatan yang dimuatkan dalam novel sebagai daya penarik kepada pembaca turut diakui oleh A. Teeuw ketika meneliti novel *Lingkaran* karya Arenawati. Antara lain beliau menyatakan sudah tentu *Lingkaran* bukanlah suatu lukisan kenyataan, tetapi sebagai hasil seni barangkali lebih langsung lagi menyingkap persoalan batin Tanah Melayu zaman ini. Bagi saya, sebagai orang luar novel ini menimbulkan faham dan kesan yang berharga betul.¹³ Maka ada keperluan untuk penulis memahami dan menuruti kehendak tersebut bagi memastikan novel mereka dibaca oleh masyarakat.

Malah dalam karya sastera, masyarakat dengan segala gejolaknya, menjadi bahan mentah untuk penulis berkarya, manakala dunia masyarakat dengan segala pahit manisnya yang dipancarkan oleh penulis dalam karya sastera menjadi satu dokumen sosiobudaya masyarakat ataupun sosiobudaya penulis itu sendiri.¹⁴ Hal ini dengan jelas menuntut penulis memerhati dan memahami masyarakat apabila menulis karya. Dengan cara ini, karya yang dihasilkan akan dapat menarik minat pembaca.

¹³A. Teeuw, "Lingkaran: Sebuah Novel Perlambangan" dlm. *Novel-Novel Malaysia Dalam Kritikan*, Hamzah Hamdani (Penyelenggara), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 145.

¹⁴Sohaimi Abdul Aziz, *Mobiliti Sosial Perspektif Barat dan Islam Dalam Novel Terpilih Shahnon Ahmad*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. vii.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah penerimaan atau sambutan pelajar dan guru terhadap novel-novel terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 adalah tidak baik. Ini berdasarkan tiga sebab utama:

- i. Peratusan pembacaan novel yang rendah.
- ii. Keadaan pembacaan yang tidak memberangsangkan.
- iii. Minat yang tidak begitu mendalam terhadap novel di kalangan responden.

3.8. Pembacaan Cerpen Terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di Kalangan Pelajar dan Guru

Bahagian ini akan meneliti sejauh manakah antologi cerpen terbitan DBP Sarawak dalam tempoh 1988-1998 diketahui, dibaca dan diminati oleh guru dan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Data diperoleh dari Borang Soal Selidik A dan B pada Bahagian 4 Cerpen. Data dari Kad Bin buku berkenaan juga akan diguna pakai bagi melengkapkan kajian.

Pada bahagian ini sebanyak enam (6) soalan dikemukakan kepada responden. Soalan-soalan adalah tentang judul-judul antologi yang dibaca, antologi yang paling seronok dibaca, sebab-sebab tidak membaca antologi terbitan DBP Sarawak, dan antologi yang sesuai dibaca menurut responden.

Dalam tempoh 1988 hingga 1998, sebanyak 21 judul antologi telah diterbitkan oleh DBP Sarawak.¹⁵ Tetapi untuk kajian ini hanya 12 judul dipilih untuk digunakan sebagai sampel kajian. Pemilihan judul sebagai sampel adalah secara rawak tanpa mengira tema cerita serta pengarang atau

¹⁵Sumber Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak.

penyelenggara. Seboleh mungkin semua antologi yang dipilih sebagai sampel terbit pada semua tahun dalam tempoh 1988-1998.

Senarai antologi cerpen terbitan DBP Sarawak yang terbit dalam tempoh 1988-1998 yang menjadi sampel dalam kajian ini, ditunjukkan dalam jadual 3.8.1.

Jadual 3.8.1 Senarai judul antologi cerpen yang menjadi sampel kajian

JUDUL	PENGARANG/ PENYELENGGARA	TAHUN TERBIT
<i>Senapang Bemban</i>	Hamzah Hamdani	1998
<i>Bunga Rimba</i>	Jong Chian Lai	1997
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	Jiso Rutan	1991
<i>Wali</i>	Hajijah Jais	1990
<i>Garis Panorama</i>	Jais Sahok	1993
<i>Menganyam Kedukaan</i>	Jiso Rutan	1997
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	Othman Puteh/Abdul Ahmad	1993
<i>Pilihan</i>	Jalil A. Rahman	1996
<i>Tamu Di Tasik Biru</i>	Cecilia Chin	1989
<i>Meminggir Angin</i>	Hajijah Jais	1997
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	Abang Patdeli/Hajijah Jais	1996
<i>Rindu Sang Puteri</i>	Haslinda Nong Chee	1998

Pembacaan cerpen di kalangan pelajar adalah rendah iaitu hanya 16.8%. Ini bermakna sejumlah 83.2% pelajar tidak membaca cerpen-cerpen

yang menjadi sampel kajian ini. Antologi cerpen yang paling banyak dibaca oleh pelajar ialah *Wali* yang diselenggarakan oleh Hajijah Jais. Antologi ini dibaca oleh 3.2% responden. Sementara di tempat kedua tertinggi ialah antologi cerpen *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai) dan *Pilihan* (Jalil A. Rahman) dengan 2.6%. Sebuah antologi yang tidak dibaca langsung oleh pelajar ialah *Pelarian Dari Bumi* (Abdul Ahmad dan Othman Puteh).

Kadar peratusan pembacaan antologi cerpen yang lain ialah *Senapang Bemban* (Hamzah Hamdani) 1%, *Berakhirnya Pesta Ngoncong* (Jiso Rutan) 2%, *Garis Panorama* (Jais Sahok) 1.2%, *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) 1%, *Meminggir Angin* (Hajijah Jais) 1.2%, *Tamu Di Tasik Biru* (Cecilia Chin) 0.8%, *Ketipung Bunga Jambu* (Abg. Patdeli/Hajijah Jais) 0.8% dan *Rindu Sang Puteri* (Haslinda Nong Chee) 0.4%. Butir-butir pembacaan cerpen di kalangan pelajar ditunjukkan dalam jadual 3.8.2.

Kadar peratusan pembacaan yang rendah bagi antologi cerpen di kalangan pelajar agak bercanggah dengan pengalaman sastera pelajar sendiri yang diberikan pada soalan bahagian (2). Berdasarkan jawapan yang diberi dalam soalan no.5 Bahagian Dua, 50.8% pelajar meminati genre cerpen. Bagaimanapun dari segi pembacaan, hanya 16.8% pelajar membaca antologi cerpen yang tersenarai sebagai sampel kajian.

Jadual 3.8.2 Kadar pernbacaan pelajar terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998

JUDUL (CERPEN)	PENGARANG/ PENYUSUNAN	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
Senapang Bemban	Hamzah Hamdani	1988	5	1
Bunga Rimba	Jong Chian Lai	1997	13	2.6
Berakhirnya Pesta Ngoncong	Jiso Rutan	1991	10	2
Wali	Hajijah Jais	1990	16	3.2
Garis Panorama	Jais Sahok	1993	6	1.2
Menganyam Kedukaan	Jiso Rutan	1997	5	1
Pelarian Dari Bumi	Othman Puteh/Abdul Ahmad	1993	0	0
Pilihan	Jalil A. Rahman	1996	13	2.6
Tamu Di Tasik Biru	Cecilia Chin	1989	4	0.8
Meminggir Angin	Hajijah Jais	1997	6	1.2
Ketipung Bunga Jambu	Abg. Patdeli/Hajijah Jais	1996	4	0.8
Rindu Sang Puteri	Haslinda Nong Chee	1998	2	0.4
			84	16.8

Di kalangan guru pula sebanyak 15% yang membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Berbanding pembacaan novel, terdapat peningkatan 0.5% pembacaan cerpen di kalangan guru. Bagaimanapun peratusan pembacaan cerpen dan novel adalah setara. Terdapat 85% guru

yang tidak membaca langsung antologi cerpen disenaraikan sebagai sampel kajian ini. Jadual 3.8.3 memaparkan butir tentang pembacaan cerpen di kalangan guru.

Antologi cerpen yang paling banyak dibaca guru ialah *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai). Sejumlah 3.75% responden membaca antologi cerpen ini. Dua buah antologi lagi iaitu *Senapang Bemban* (Hamzah Hamdani) dan *Wali* (Hajijah Jais) dibaca oleh 2.8% responden berada di kedudukan kedua tertinggi. Sementara dua antologi lain iaitu *Tamu Di Tasik Biru* (Cecilia Chin) dan *Rindu Sang Puteri* (Haslinda Nong Chee) tidak dibaca langsung oleh guru.

Peratusan pembacaan antologi cerpen lain ialah: *Pilihan* (Jalil A. Rahman) 1.25%, *Garis Panorama* (Jais Sahok) 2.08%, *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) 0.83%, *Meminggir Angin* (Hajijah Jais) 0.83%, *Ketipung Bunga Jambu* (Hajijah Jais/Abg. Patdeli) 0.83% dan *Berakhirnya Pesta Ngoncong* (Jiso Rutan) 0.4%. Keseluruhan kadar pembacaan bagi antologi berkenaan di kalangan guru adalah setara.

Dari sudut antologi yang paling banyak dibaca oleh guru, didapati ada sedikit persamaan dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar. Walaupun guru paling banyak membaca antologi cerpen *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai) dan pelajar paling banyak membaca antologi cerpen *Wali* (Hajijah Jais) tetapi kedua-dua antologi tersebut masih berada pada lingkungan dua antologi yang paling banyak dibaca oleh kedua-kedua kategori responden. *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai) berada di kedudukan kedua paling banyak dibaca oleh pelajar. Sementara *Wali* (Hajijah Jais) pula kedua paling banyak dibaca oleh guru.

Kedua-dua antologi tersebut membawakan tema yang mencakupi pelbagai permasalahan masyarakat. Bagaimanapun *Wali* lebih menjurus kepada persoalan yang berkaitan wanita. Sementara *Bunga Rimba* adalah lebih rencam. Tetapi kedua-duanya adalah cerpen untuk bacaan dewasa. Persamaan persepsi guru dan pelajar dan membaca cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 ini menggambarkan keselarian minat serta kecenderungan kedua-dua responden yang hampir sama.

Jadual 3.8.3 Kadar pembacaan pelajar terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998

JUDUL (CERPEN)	PENGARANG/ PENYUSUNAN	TAHUN TERBIT	JUMLAH	PERATUS
Senapang Bemban	Hamzah Hamdani	1988	6	2.5
Bunga Rimba	Jong Chian Lai	1997	9	3.75
Berakhirnya Pesta Ngoncong	Jiso Rutan	1991	1	0.4
Wali	Hajijah Jais	1990	6	2.5
Garis Panorama	Jais Sahok	1993	5	2.08
Menganyam Kedukaan	Jiso Rutan	1997	2	0.83
Pelarian Dari Bumi	Othman Puteh/Abdul Ahmad	1993	0	0
Pilihan	Jalil A. Rahman	1996	3	1.25
Tamu Di Tasik Biru	Cecilia Chin	1989	0	0
Meminggir Angin	Hajijah Jais	1997	2	0.83
Ketipung Bunga Jambu	Abg. Patdeli/Hajijah Jais	1996	2	0.83
Rindu Sang Puteri	Haslinda Nong Chee	1998	0	0
			36	15

Apabila dibuat perbandingan antara antologi cerpen yang dibaca oleh guru dan pelajar dengan baki stok terakhir pada kad BIN, terdapat juga keselarian biarpun tidak secara menyeluruh. Misalnya baki terakhir pada kad BIN bagi antologi *Wali* ialah 57 naskhah daripada 3000 naskhah yang dicetak.

Bermakna antologi berkenaan berada di tangan pembaca sebanyak 2943 naskhah. Sementara itu antologi *Bunga Rimba* yang dicetak sebanyak 1000 naskhah meninggalkan baki terakhir kepada 374 naskhah. Maka sebanyak 726 naskhah berada di tangan pembaca. Maknanya dua antologi yang paling banyak dibaca oleh guru dan pelajar mempunyai stok baki terakhir yang munasabah. Butir-butir tentang baki terakhir pada Kad BIN ditunjukkan dalam jadual 3.8.4.

Bagaimanapun, bagi dua antologi yang tidak dibaca langsung oleh guru dan pelajar iaitu *Tamu Di Tasik Biru* dan *Pelarian Dari Bumi* memberi gambaran yang berbeza. Berdasarkan baki terakhir pada Kad BIN kedua-dua antologi itu, sepatutnya karya berkenaan banyak dibaca atau sekurang-kurang ada dibaca oleh responden. Baki terakhir antologi cerpen *Pelarian Dari Bumi* ialah 324 naskhah berbanding cetakan sebanyak 3000 naskhah. Ini bermaksud sejumlah 2676 naskhah antologi berkenaan berada di tangan pembaca. Begitu juga dengan *Tamu Di Tasik Biru* yang dicetak sebanyak 1000 naskhah meninggalkan baki berjumlah 75 naskhah. Maka sejumlah 925 naskhah berpotensi berada di tangan pembaca.

Perkara ini mungkin terjadi kerana kedua-dua antologi cerpen berkenaan dicetak pada 1989 (*Tamu Di Tasik Biru*) dan 1993 (*Pelarian Dari Bumi*) yang tempohnya agak awal. Sedangkan responden sebahagian besarnya (pelajar) ketika itu masih berada di tingkatan satu dan tingkatan dua. Sebab lain mungkin kerana antologi berkenaan sudah tidak terdapat lagi di pasaran atau di perpustakaan.

Jadual 3.8.4 Baki terakhir antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988 - 1988¹⁶

JUDUL	JUMLAH CETAK	KELUAR	BAKI
<i>Senapang Bemban</i>	3000	-	-
<i>Bunga Rimba</i>	1000	-	-
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	3000	2940	60
<i>Wali</i>	3000	2943	57
<i>Garis Panorama</i>	3000	2700	300
<i>Menganyam Kedukaan</i>	1000	702	298
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	3000	2676	324
<i>Pilihan</i>	1000	261	739
<i>Tamu Di Tasik Biru</i>	1000	925	75
<i>Meminggir Angin</i>	1100	702	398
<i>Rindu Sang Puteri</i>	1000	717	283
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	3000	2225	775

Jadual 3.8.5 menunjukkan keadaan membaca cerpen bagi pelajar yang ada membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Sejumlah 52.38% pelajar membaca sebahagian sahaja cerpen yang terdapat dalam antologi tersebut. Sementara 23.8% pula membaca kesemua cerpen dalam antologi itu. Sejumlah 13.09% lagi hanya membaca satu cerpen dalam antologi berkenaan. Selebihnya iaitu 10.71% membaca beberapa cerpen tetapi tidak semua diselesaikan pembacaannya.

Keadaan pembaca cerpen di kalangan pelajar menunjukkan bahawa separuh daripada mereka tidak membaca kesemua cerpen yang terdapat antologi berkenaan. Bahkan peratusan mereka yang hanya membaca satu cerpen sahaja juga agak besar. Ini menggambarkan bahawa pelajar tidak begitu tertarik untuk membaca cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998

¹⁶Baki terakhir yang digunakan bertarikh 30.12.1999.

secara sepenuh minat. Perkara ini juga agak bertentangan dengan kenyataan bahawa mereka (pelajar) paling ramai meminati genre cerpen. Genre ini juga yang paling banyak dibaca pada peringkat awal pelajar mengenali bidang sastera.

Jadual 3.8.5 Keadaan pembacaan cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar

KEADAAN PEMBACAAN	JUMLAH	PERATUS
Membaca kesemua cerpen	20	23.8
Membaca sebahagian cerpen	44	52.38
Membaca satu cerpen sahaja	11	13.09
Membaca beberapa cerpen tetapi tidak semua diselesaikan pembacaannya	9	10.71
	84	100

Keadaan pembaca cerpen di kalangan guru ditunjukkan dalam jadual 3.8.6. Jumlah guru yang membaca kesemua cerpen dalam antologi berkenaan agak tinggi iaitu sebanyak 36.11%, sementara 63.88% lagi membaca sebahagian sahaja cerpen dalam antologi tersebut. Tidak ada guru yang hanya membaca satu cerpen atau membaca beberapa cerpen tetapi tidak semua diselesaikan pembacaannya.

Ini menunjukkan bahawa guru lebih berminat dan bersungguh-sungguh apabila membaca cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Dengan demikian didapati jumlah yang agak besar di kalangan guru membaca kesemua cerpen dalam antologi itu, berbanding pelajar. Hal ini mungkin terjadi kerana cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi berkenaan menarik minat guru untuk membaca. Maka mereka membaca kesemua

cerpen dalam antologi itu.

Jadual 3.8.6 Keadaan pembacaan cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru

KEADAAN PEMBACAAN	JUMLAH	PERATUS
Membaca kesemua cerpen	13	36.11
Membaca sebahagian cerpen	23	63.88
Membaca satu cerpen sahaja	-	-
Membaca beberapa cerpen tetapi tidak semua diselesaikan pembacaannya	-	-
	36	100

Tentang antologi cerpen yang paling seronok dibaca oleh pelajar, jawapan yang diberikan oleh responden, adalah selaras dengan jawapan antologi cerpen yang paling banyak dibaca. Antologi cerpen *Wali* (Hajijah Jais) merupakan antologi yang paling seronok dibaca oleh pelajar. Sejumlah 21.42% pelajar memilih karya ini. Sementara antologi cerpen *Garis Panorama* (Jais Sahok) dan *Pilihan* (Jalil A. Rahman) mendapat 15.47% berada di tempat kedua paling seronok dibaca pelajar. Antologi *Bunga Rimba* dengan 13.09% berada di tempat ketiga.

Kedudukan antologi lain adalah seperti berikut *Ketipung Bunga Jambu* (Hajijah Jais/Abg. Patdeli), 2.14% *Berakhirnya Pesta Ngoncong* (Jiso Rutan) 7.14%, *Senapang Bimban* (Hamzah Hamdani) 5.95%, *Meminggir Angin* (Hajijah Jais) 5.95%, *Menganyam Keduakaan* (Jong Chian Lai) 4.76%, *Tamu Di Tasik Biru* (Cecilia Chin) 2.38% dan *Rindu Sang Puteri* (Haslinda Nong Chee) 1.19%. Ringkasan butir keseronokan membaca dipaparkan dalam jadual 3.8.7.

Jawapan yang diberikan oleh pelajar berkaitan antologi yang paling seronok dibaca menunjukkan keselarasan dengan jawapan antologi yang paling banyak dibaca pelajar. Ini dapat dibuktikan melalui antologi yang paling seronok dibaca pelajar ialah *Wali* dan antologi ini juga yang paling banyak dibaca oleh pelajar dengan kadar 3.2%. Begitu juga dengan antologi kedua paling seronok dibaca iaitu *Pilihan* merupakan antologi kedua paling banyak dibaca pelajar. Turut berada di tempat kedua paling seronok dibaca pelajar ialah antologi *Garis Panorama*. Antologi *Pelarian Dari Bumi* yang mendapat markah “0” bagi keseronokan membaca juga merupakan antologi yang tidak dibaca oleh pelajar. (Rujuk Jadual 3.8.1).

Keselarasan jawapan antara antologi yang dibaca dengan antologi yang paling seronok dibaca menunjukkan bahawa pelajar sebahagian besarnya hanya membaca antologi berkenaan sahaja. Bermaksud jawapan yang diberikan untuk antologi yang seronok dibaca merujuk kepada antologi yang dibaca sahaja. Maka pelajar yang tidak membaca antologi lain tidak akan menyatakan antologi yang tidak dibacanya sebagai seronok dibaca. Dengan demikian jawapan antara antologi yang dibaca dengan antologi yang seronok dibaca adalah selaras. Keadaan ini dapat menjelaskan bahawa sebahagian besar pelajar hanya membaca sebuah antologi. Maka penilaian mereka terhadap antologi yang seronok dibaca terbatas kepada antologi yang telah dibaca sahaja.

Jadual 3.8.7 Kadar keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar

JUDUL (CERPEN)	JUMLAH	PERATUS
<i>Senapang Bemban</i>	5	5.95
<i>Bunga Rimba</i>	11	13.09
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	6	7.14
<i>Wali</i>	18	21.42
<i>Garis Panorama</i>	13	15.47
<i>Menganyam Kedukaan</i>	4	4.76
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	-	-
<i>Pilihan</i>	13	15.47
<i>Tamu Di Tasik Biru</i>	2	2.38
<i>Meminggir Angin</i>	5	5.95
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	6	7.14
<i>Rindu Sang Puteri</i>	1	1.19
	84	100

Kadar keseronokan membaca antologi cerpen di kalangan guru ditunjukkan dalam jadual 3.8.8. Antologi yang paling seronok dibaca oleh guru ialah *Bunga Rimba* dengan 19.44% responden memilih antologi ini. Di tempat kedua paling seronok dibaca guru ialah antologi *Wali*. Antologi ini dipilih oleh 16.66% responden. Tiga buah antologi yang tidak mendapat sebarang markah keseronokan membaca ialah, *Pelarian Dari Bumi* (Othman Putih/Abdul Ahmad), *Tamu Di Tasik Biru* (Cecilia Chin) dan *Rindu Sang Puteri* (Haslinda Nong Chee).

Kadar keseronokan membaca antologi yang lain ialah, *Senapang Bemban* (Hamzah Hamdani) 11.11%, *Menganyam Kedukaan* (Jong Chian Lai) 11.11%, *Garis Panorama* (Jais Sahok) 13.88%, *Pilihan* (Jalil A. Rahman) 8.33%, *Berakhirnya Pesta Ngoncong* (Jiso Rutan) 5.55% dan *Ketipung Bunga*

Jambu (Hajijah Jais/Abg. Patdeli) 5.55%.

Jadual 3.8.8 Kadar keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru

JUDUL (CERPEN)	JUMLAH	PERATUS
<i>Senapang Bemban</i>	4	11.11
<i>Bunga Rimba</i>	7	19.44
<i>Berakhirnya Pesta Ngoncong</i>	2	5.55
<i>Wali</i>	6	16.66
<i>Garis Panorama</i>	5	13.88
<i>Menganyam Kedukaan</i>	4	11.11
<i>Pelarian Dari Bumi</i>	0	0
<i>Pilihan</i>	3	8.33
<i>Tamu Di Tasik Biru</i>	0	0
<i>Meminggir Angin</i>	3	8.33
<i>Ketipung Bunga Jambu</i>	2	5.55
<i>Rindu Sang Puteri</i>	0	0
	36	100

Jawapan yang diberikan bagi keseronokan membaca antologi di kalangan guru juga adalah selaras dengan antologi yang dibaca. Trend ini sama dengan yang dialami oleh pelajar. Dapat disimpulkan bahawa guru juga sebahagian besarnya membaca tidak lebih dari sebuah antologi. Maka jawapan bagi kadar keseronokan membaca juga adalah selaras dengan antologi yang dibaca.

Sebab-sebab mengapa pelajar seronok membaca cerpen-cerpen dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988-1998 ditunjukkan dalam jadual 3.8.9. Pelajar memilih tema dan persoalan yang menarik sebagai faktor utama mengapa mereka seronok membaca antologi cerpen tersebut. Faktor

ini dipilih oleh 33.33% responden. Di tempat kedua tertinggi pula dengan 20.23%, ialah faktor jalan cerita yang mudah dan menarik, serta faktor cerita dapat menimbulkan rasa marah, benci cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan. Faktor bahasa yang mudah dipilih oleh 4.76% responden. Sejumlah 5.95% responden memilih faktor-faktor lain.

Berdasarkan jawapan yang diberikan, pelajar seronok membaca cerpen terbitan DBP Sarawak yang banyak dipengaruhi oleh tema dan persoalan yang menarik. Dengan mengambil antologi *Wali* (Hajijah Jais) sebagai contoh didapati cerita-cerita dalam antologi tersebut banyak bertemakan cinta, kasih, sayang dan juga ketuhanan (keagamaan) yang menjurus permasalahan yang dialami oleh kaum wanita. Kecenderungan ini memperlihatkan pelajar tertarik oleh tema dan persoalan yang berkaitan cinta dan kasih sayang. Perkara ini mungkin disebabkan jiwa remaja (pelajar) yang masih seronok memikir dan mengalami permasalahan cinta dan kasih sayang pada tahap tersebut.

Faktor jalan cerita dan cerita yang dapat menimbulkan reaksi emosi juga mempengaruhi minat pelajar membaca cerpen. Yang penting bagi pelajar ialah jalan cerita yang mudah diikuti serta cerita yang dapat menyentuh perasaan mereka sebagai pembaca. Ada kecenderungan pelajar untuk menyatukan dirinya dengan permasalahan dalam cerpen-cerpen yang dibaca. Sebab itu pelajar mementingkan soalan cerpen yang boleh menyentuh perasaan mereka sebagai pembaca sebagai karya yang menarik untuk dibaca.

Perkara ini pernah ditegaskan oleh Geoffrey N. Leech dan Michael H. Short yang menyebut realiti olok-olok penuh dilengkapi data, termasuk

keterangan terperinci tentang kejadian yang memberi cita rasa mengetahui tempat, waktu, kejadian dan sebagainya seolah-olah kita ikut terlibat ke dalamnya atau paling tidak sebagai pemerhati.¹⁷

Jadual 3.8.9 Faktor yang menimbulkan keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan pelajar

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang menarik	28	33.33
Jalan cerita yang mudah dan menarik	17	20.23
Bahasa yang mudah	4	4.76
Teknik cerita yang menarik	13	15.47
Cerita dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	17	20.23
Lain-lain	5	5.95
	84	100

Faktor-faktor yang menimbulkan keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru pula dipaparkan dalam jadual 3.8.10. Guru juga memilih faktor tema dan persoalan yang menarik serta jalan cerita yang mudah dan menarik sebagai faktor yang paling besar mempengaruhi keseronokan mereka membaca cerpen berkenaan. Kedua-dua faktor ini dipilih oleh 38.88% responden sementara 22.22% lagi memilih faktor teknik cerita yang menarik sebagai faktor yang turut mempengaruhi keseronokan membaca cerpen tersebut. Tidak ada responden yang memilih faktor bahasa yang mudah dan cerita yang dapat

¹⁷Geoffrey N. Leech dan Michael H. Short, *Gaya dalam Cerea: Penerapan Linguistik dalam prosa Cerea Inggeris* (terjemahan Umar Junus), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur ,1993, hlm. 147-148.

menimbulkan rasa marah, benci, cinta, semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan sebagai faktor penarik keseronokan membaca.

Keadaan ini menggambarkan ada persamaan persepsi antara pelajar guru dalam menentukan keseronokan membaca cerpen. Kedua-dua responden memilih faktor tema, persoalan, jalan cerita dan teknik sebagai punca utama yang menimbulkan keseronokan membaca cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Pelajar dan guru menggunakan ukur tara yang sama bagi menentukan keseronokan membaca cerpen.

Jadual 3.8.10 Faktor yang menimbulkan keseronokan membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 di kalangan guru

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang menarik	14	38.88
Jalan cerita yang mudah dan menarik	14	38.88
Bahasa yang mudah	-	-
Teknik cerita yang menarik	8	22.22
Cerita dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	-	-
Lain-lain	-	-
	36	100

Jadual 3.8.11 memaparkan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tidak membaca cerpen-cerpen dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Faktor yang paling utama mempengaruhi mengapa pelajar tidak membaca antologi tersebut ialah mereka (pelajar) tidak tahu antologi berkenaan ada di pasaran ataupun di perpustakaan. Sejumlah 34%

responden memilih alasan ini. Seterusnya 25% responden lagi memberi alasan mereka tahu antologi berkenaan ada di pasaran ataupun perpustakaan tetapi mereka tidak menemui antologi berkenaan. Sejumlah 10% lagi memberi alasan tidak minat cerpen. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar tidak membaca cerpen dalam antologi yang menjadi sampel kajian ini disebabkan oleh faktor luar teks (karya). Faktor ini menyumbang 74.4%.

Keseluruhan faktor dalaman daripada keseluruhan faktor yang dikemukakan oleh pelajar karya menyumbang sebanyak 25.6% sebab mengapa pelajar tidak membaca antologi berkenaan. Pecahan faktor dalam adalah seperti berikut: tema dan persoalan yang tidak menarik 6.8%, jalan cerita yang sukar 1.6%, tidak mendapat banyak faedah dari pembacaan tersebut 0.8%, tidak minat cerpen 10%, cerita tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan 6.8% dan faktor-faktor lain 1.4%.

Faktor luar karya yang meliputi antologi cerpen yang tidak diketahui pelajar, antologi yang tidak ditemui di pasaran atau perpustakaan dan tidak ada duit khas untuk membeli antologi berkenaan begitu berpengaruh dalam mengekang minat membaca cerpen di kalangan pelajar. Ini memberi gambaran bahawa minat membaca pelajar bergantung pada sejauh mana mereka engetahui dan menemui antologi berkenaan baik di pasaran maupun di perpustakaan. Promosi dan publisiti yang tidak meluas menyebabkan pelajar kurang atau tidak membaca langsung antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998.

Kepentingan serta pengaruh publisiti dan promosi buku sebagai faktor

penggalak daya beli buku dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh The Book Marketing Council di Amerika. Kajian tersebut mendapati 57% buku-buku yang dibeli berdasarkan pengetahuan terdahulu sebelum buku itu dilihat di kedai buku. Dalam hal ini minat pelajar untuk membaca antologi berkenaan juga amat dipengaruhi oleh faktor promosi dan publisiti oleh penerbit, pengedar maupun pekedai.¹⁸

**Jadual 3.8.11 Faktor mengapa pelajar tidak membaca antologi cerpen terbitan
DBP Sarawak 1988-1998**

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	84	6.8
Jalan cerita yang sukar	8	1.6
Teknik penyampaian yang membosankan	41	8.2
Tidak mendapat banyak faedah daripada pembacaan itu	4	0.8
Tidak tahu antologi berkenaan ada di pasaran perpustakaan	170	34
Tahu tapi tidak menemui antologi itu di pasaran/perpustakaan	125	25
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	27	2.4
Tidak minat cerpen	50	10
Cerita yang tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	34	6.8
Lain-lain	7	1.4
	500	100

Jadual 3.8.12 memaparkan faktor-faktor mengapa guru tidak membaca

¹⁸*Impulse Buying Of Books: A Nationwide Survey Of Impulse Buying Books In Bookshop and Confectioners, Tobacconise and Newsagent*, The Book Marketing Council of The Publishers Association, London, 1982.

antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Kalangan guru memberi alasan tema dan persoalan yang tidak menarik sebagai faktor utama mengapa mereka tidak membaca antologi cerpen tersebut. Faktor ini dipilih oleh 32.5% responden. Faktor kedua paling berpengaruh menyebabkan guru tidak membaca cerpen ialah mereka tidak tahu antologi berkenaan ada di pasaran ataupun di perpustakaan. Sejumlah 24.16% guru memberi alasan ini. Faktor ketiga paling berpengaruh ialah guru tahu tentang antologi tersebut tetapi mereka tidak menemuinya di pasaran ataupun di perpustakaan. Faktor ini dipilih oleh 15.4% responden.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan guru tidak membaca antologi cerpen yang menjadi sampel kajian ini ialah, teknik penyampaian yang membosankan 6.6%, tidak mendapat banyak faedah daripada pembacaan tersebut 5%, tidak minat cerpen 5% cerita yang tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan 3.33% dan 5%.

Guru juga memberi alasan luar teks (karya) sebagai faktor yang agak berpengaruh yang menyebabkan mereka tidak membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Faktor luar karya yang meliputi tidak tahu penerbitan antologi tersebut, tidak menemuinya di pasaran atau perpustakaan, dan tidak ada duit khas untuk membeli buku menyumbang sebanyak 42.47% pilihan responden. Keadaan ini menunjukkan sebab-sebab guru tidak membaca antologi cerpen itu turut dipengaruhi oleh faktor di luar teks (karya). Walau bagaimanapun, dari segi peratusan, faktor di luar karya adalah lebih rendah berbanding faktor dalaman karya yang menyumbang 57.53%.

Bagi guru, faktor paling berpengaruh ialah tema dan persoalan yang tidak menarik sebagai sebab mengapa mereka tidak membaca cerpen tersebut. Ini menggambarkan bahawa guru lebih teliti dan lebih selektif dalam memilih bahan bacaan. Keutamaan guru apabila memilih bahan bacaan seperti cerpen ialah cerita mestilah benar-benar menarik. Hal ini dapat dikaitkan dengan 6.6% guru menyatakan teknik cerita yang membosankan dan 5% tidak mendapat banyak faedah daripada pembacaan itu sebagai alasan tidak membaca cerpen berkenaan. Kedua-dua alasan itu menunjukkan guru amat teliti dan selektif dalam memilih cerpen yang hendak dibaca. Ini agak berbeza dengan pelajar yang kurang teliti dalam memilih bahan bacaan.

Bagaimanapun, secara perbandingan antara pelajar dengan guru, faktor-faktor yang menyebabkan mengapa mereka tidak membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 adalah hampir selaras. Pelajar memilih faktor tidak tahu antologi itu ada di pasaran atau perpustakaan sebagai sebab utama. Guru pula memilih faktor tema dan persoalan yang tidak menarik sebagai sebab utama. Malah pelajar memilih tidak menemui antologi itu di pasaran atau perpustakaan sebagai alasan kedua paling berpengaruh, sedangkan guru memilih faktor tidak tahu antologi itu ada di pasar atupun di pasaran sebagai alasan kedua paling berpengaruh. Maka dapat disimpulkan faktor pertama dan kedua yang diberikan oleh guru dan pelajar adalah hampir sama, cuma berbeza dari segi kedudukan.

Faktor dalam dan luar karya saling menentukan minat membaca cerpen di kalangan guru dan pelajar. Pengaruh promosi dan publisiti amat penting dalam menentukan sesebuah antologi dibaca oleh guru dan pelajar.

Ini menunjukkan peranan publisiti dan promosi adalah penting dalam merangsang minat membaca masyarakat.

Jadual 3.8.12 Faktor mengapa guru tidak membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998

FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	78	32.5
Jalan cerita yang sukar	-	-
Teknik penyampaian yang membosankan	16	6.6
Tidak mendapat banyak faedah daripada pembacaan itu	12	5
Tidak tahu antologi berkenaan ada di pasaran perpustakaan	58	24.16
Tahu tapi tidak menemui antologi itu di pasaran/perpustakaan	37	15.4
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	7	2.19
Tidak minat cerpen	12	5
Cerita yang tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	8	3.33
Lain-lain	12	5
	240	100

Tentang cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat, 34.2% pelajar memilih cerita yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan. Sejumlah 32.2% pula memilih cerpen yang bertemakan kemasyarakatan. Sebanyak 11.6% lagi memilih cerpen yang mudah jalan ceritanya sebagai cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat. Seterusnya 9.2% pula memilih cerpen yang khusus mengisahkan suku kaum di Sarawak. Tampak di sini bahawa dalam menentukan cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh

masyarakat, pelajar mengambil kira aspek tema yang berkaitan masyarakat tempatan dan cerita yang dapat menyentuh perasaan atau hati pembaca. Faktor ini sebenarnya selaras dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar berkenaan mengapa mereka membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak seperti yang dipaparkan dalam jadual 3.8.13.

Cerpen lain yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat pada hemat pelajar ialah, cerpen yang mudah bahasanya 7%, dan lain-lain 2.4%. Ringkasan butiran tentang cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ditunjukkan dalam jadual 3.8.13.

Jadual 3.8.13 Ciri-ciri cerpen yang menarik dan sesuai dibaca menurut pelajar

CIRI-CIRI	JUMLAH	PERATUS
Cerpen yang pendek	17	3.4
Cerpen yang mudah jalan ceritanya	58	11.6
Cerpen yang bertemakan kemasyarakatan dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan	161	32.2
Cerpen yang mudah bahasanya	35	7
Cerpen yang khusus mengisahkan suku kaum di Sarawak	46	9.2
Cerpen yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	171	34.2
Lain-lain	12	2.4
	500	100

Bagi guru pula 53.75% menyatakan cerpen yang menarik dan sesuai dibaca ialah cerpen yang bertemakan kemasyarakatan dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan. Seramai 15.41% memilih cerpen yang

mudah jalan ceritanya. Sebanyak 12.5% lagi memilih cerpen yang pendek sebagai cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat. Ciri lain yang dipilih oleh guru ialah cerpen yang khusus mengisahkan suku kaum di Sarawak 2.08%, cerpen yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan 7.9% dan lain-lain 1.25%. Ringkasan butir-butir dipaparkan dalam jadual 3.8.14.

Guru menganggap tema dan persoalan yang menarik serta mengambil latar dan permasalahan masyarakat tempatan adalah penentu cerpen yang menarik. Perkara ini juga selaras dengan antologi cerpen yang paling banyak dibaca oleh guru iaitu *Bunga Rimba* (Jong Chian Lai) yang banyak mengambil latar cerita dan permasalahan masyarakat tempatan di Sarawak.

Ini menunjukkan guru lebih mementingkan isi cerita dan latar cerita. Maka ini memberi petanda bahawa bagi guru cerpen yang menarik dan sesuai dibaca mestilah mempunyai ciri-ciri tersebut. Guru juga menganggap aspek cerpen yang mudah jalan ceritanya sebagai antara ciri karya yang menarik. Ciri ini juga terdapat pada cerpen-cerpen dalam antologi *Bunga Rimba* yang plotnya adalah mudah, di samping teknik penceritaan yang agak langsung oleh pengarang.

Jadual 3.8.14 Ciri-Ciri cerpen yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru

CIRI-CIRI CERPEN YANG MENARIK	JUMLAH	PERATUS
Cerpen yang pendek	30	12.5
Cerpen yang bertemakan kemasyarakatan dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan	129	53.75
Cerpen yang mudah jalan ceritanya	37	15.41
Cerpen yang mudah bahasanya	17	7.08
Cerpen yang khusus mengisahkan suku kaum di Sarawak	5	2.08
Cerpen yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	19	7.91
Lain-lain	3	1.25
	240	100

3.8.1 Rumusan

Keseluruhan jawapan responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan memperlihatkan sambutan responden yang tidak begitu baik terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Ini kerana hanya 15% guru dan 16% pelajar yang ada membaca antologi tersebut. Jumlah keseluruhan guru dan pelajar yang membaca antologi itu hanya sebanyak 16.21%. Ringkasan kadar pembacaan antologi cerpen di kalangan pelajar dan guru dipaparkan dalam jadual 3.8.15.

Jadual 3.8.15 Rumusan data pembacaan cerpen di kalangan pelajar dan guru

RESPONDEN	JUMLAH KESELURUHAN RESPONDEN	MEMBACA CERPEN		TIDAK MEMBACA CERPEN	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
Pelajar	500	84	16.8	416	83.2
Guru	240	36	15	204	85
Jumlah Besar	740	120	16.21	620	83.78

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar dan guru tidak membaca cerpen-cerpen dalam antologi tersebut menunjukkan bahawa faktor luar teks sebagai faktor utama. Bagi pelajar, sebab utama mereka tidak membaca cerpen tersebut ialah kerana mereka tidak tahu tentang penerbitan antologi berkenaan. Bagi pelajar yang tahu tentang penerbitan antologi itu pula, mereka tidak menemuinya di pasaran atau perpustakaan. Dua faktor itu menyumbang 59% daripada keseluruhan sebab pelajar tidak membaca cerpen tersebut.

Guru pula memilih faktor tema dan persoalan yang tidak menarik sebagai faktor utama mengapa mereka tidak membaca cerpen-cerpen berkenaan. Faktor ini menyumbang 32.5% daripada keseluruhan faktor yang menyebabkan mengapa guru tidak membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998. Seperti pelajar, faktor luar teks, iaitu tidak tahu tentang penerbitan serta tidak menemui antologi berkenaan di pasaran atau perpustakaan juga memberi kesan yang besar kepada tahap pembacaan guru. Sejumlah 39.56% guru memilih faktor ini.

Keadaan pembacaan cerpen di kalangan pelajar dan guru juga menunjukkan sambutan mereka yang tidak begitu baik terhadap antologi cerpen berkenaan. Di kalangan pelajar hanya 23.8% yang membaca

kesemua cerpen dalam antologi itu. Manakala guru pula hanya 36.11% yang membaca kesemua cerpen. Sebahagian besar responden iaitu 52.38% pelajar dan 63.88% guru membaca sebahagian cerpen yang termuat dalam antologi itu.

Bagi pelajar dan guru yang ada membaca antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 antologi yang paling banyak dan paling seronok dibaca adalah hampir sama. Pelajar memilih *Wali* sebagai antologi cerpen yang paling banyak dan paling seronok dibaca. Guru pula memilih *Bunga Rimba* sebagai antologi yang paling banyak dan paling seronok dibaca. Di tempat kedua paling banyak dan paling seronok dibaca, guru memilih antologi *Wali* dan *Senapang Bemban* sementara pelajar memilih antologi *Bunga Rimba* dan *Pilihan. Pelarian Dari Bumi* merupakan antologi yang tidak dibaca langsung oleh guru dan pelajar.

Faktor pelajar seronok membaca antologi cerpen tersebut ialah kerana tema, jalan cerita serta cerita yang dapat menimbulkan perasaan marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan. Keseluruhan faktor ini menyumbang sebanyak 73.86%. Bagi guru selain tema dan jalan cerita yang menarik, faktor teknik cerita yang menarik merupakan sebab mengapa mereka seronok membaca cerpen-cerpen tersebut.

Keterpesonaan pembaca kepada fiksyen menurut Arenawati sekurang-kurangnya oleh dua faktor utama yang mendorong pembaca terserap ke dalam perasaan mengalami bersama-sama sebuah karya fiksyen. Pertama, objek persekitaran dan kandungan peristiwa yang diceritakan. Kedua bumbu retorik yang diungkapkan bersama-sama dengan tenaga diksi dalam sesuatu

kalimat.¹⁹ Cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat menurut pendapat pelajar ialah cerpen yang bertemakan kemasyarakatan dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan dan cerita yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan. Dua ciri utama ini sahaja menyumbang sebanyak 66.4%. Guru berpendapat cerpen yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah cerpen yang bertemakan kemasyarakatan dengan mengambil permasalahan masyarakat tempatan. Ciri ini dipilih oleh 53.75% guru.

Hashim Awang mengakui cerpen-cerpen yang bertemakan kemasyarakatan, terutamanya yang mengangkat permasalahan kepincangan masyarakat sering mendapat perhatian masyarakat. Tema ini yang banyak dikemukakan oleh penulis golongan wartawan, guru dan sasterawan timbul daripada ketajaman kesedaran terhadap masalah dan arah tujuan masyarakat mereka, malahan mereka lebih merupakan reportasi-reportasi tajam tentang kepincangan masyarakat, dilihat dari pandangan yang romantis dan idealistik.²⁰ Tuntutan untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang bertemakan kemasyarakatan ini perlu dipertimbangkan oleh penulis dan penerbit dalam menarik perhatian pembaca.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah sambutan pelajar dan guru terhadap antologi cerpen terbitan DBP Sarawak 1988-1998 adalah tidak baik. Ini berdasarkan tiga sebab utama iaitu:

- i. Peratusan pembacaan cerpen yang rendah.
- ii. Keadaan pembacaan yang tidak memberangsangkan.

¹⁹Arenawati, *Cerpen: Pengalaman dan Tanggapan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 43 1995.

- iii. Minat yang tidak begitu mendalam terhadap genre cerpen di kalangan responden.

3.9 Pembacaan Puisi Terbitan DBP Sarawak 1988-1998 Di Kalangan Pelajar dan Guru

Bahagian ini akan meneliti sejauh manakah antologi puisi terbitan DBP Sarawak dalam tempoh 1988 hingga 1998 diketahui, dibaca dan diminati oleh pelajar dan guru yang terlibat dalam kajian ini. Data diperoleh daripada borang soal selidik A dan B pada Bahagian 5: Puisi. Data daripada Kad BIN antologi berkenaan juga akan diguna pakai. Pada bahagian ini sebanyak enam (6) soalan dikemukakan kepada responden. Soalan adalah tentang judul-judul antologi yang dibaca, antologi puisi yang paling banyak dibaca, antologi puisi yang paling seronok dibaca, sebab-sebab tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak dan antologi puisi yang bagaimana sesuai dibaca oleh masyarakat.

Dalam tempoh 1988 – 1998 terdapat tiga (3) judul antologi puisi telah diterbitkan oleh DBP Sarawak.²¹ Semua judul dijadikan sampel kajian. Antologi puisi yang dijadikan sampel kajian ditunjukkan dalam jadual 3.9.1

²⁰Hashim Awang. *Cerpen Malaysia Sebelum Perang Dunia Ke-2*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. xiii.

²¹Sumber Unit Penerbitan DBP Sarawak.

Jadual 3.9.1 Anotologi puisi yang menjadi sampel kajian

JUDUL	PENGARANG/PENYELENGGARA	TAHUN TERBIT
Perkasihan Musim	Jonathan Singki Lintan / Hajijah Jais	1992
<i>Satu Perasmian</i>	Yeop Johari Yakub	1992
<i>Menganyam Kedukaan</i>	Jiso Rutan	1997

Berdasarkan kajian ini didapati bahawa hanya 10.8% pelajar membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Ini bermakna 89.2% lagi tidak membaca antologi puisi berkenaan. Pecahan pembacaan menurut judul antologi dipaparkan dalam jadual 3.9.2.

Antologi puisi yang paling banyak dibaca oleh pelajar ialah *Perkasihan Musim* yang diselenggarakan oleh Jonathan Singki Lintan dan Hajijah Jais. Antologi ini dibaca oleh 6% responden. Antologi puisi *Menganyam Kedukaan* yang diselenggarakan oleh Jiso Rutan berada di kedudukan kedua dengan 3.4%, manakala antologi *Satu Perasmian* yang diselenggarakan oleh Yeop Johari Yakub hanya dibaca oleh 1.4% responden.

Ini menunjukkan bahawa genre puisi merupakan genre yang paling tidak banyak dibaca oleh pelajar. *Perkasihan Musim*, antologi yang paling banyak dibaca pelajar sekadar dibaca oleh 30 orang responden. Keadaan ini selaras dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar pada soalan tentang genre yang paling diminati. Genre puisi berada pada kedudukan ketiga paling diminati pelajar selepas novel dan cerpen. Hanya 13.7% pelajar yang meminati puisi.

Jadual 3.9.2 Kadar pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan pelajar

JUDUL	JUMLAH	PERATUS
Perkasihan Musim	30	6
<i>Satu Perasmian</i>	7	1.4
<i>Menganyam Kedukaan</i>	17	3.4
	54	10.8

Bagi guru pula, hanya 3.34% yang membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak berkenaan. Daripada jumlah tersebut, 1.66% membaca antologi *Menganyam Kedukaan* yang diselenggarakan oleh Jiso Rutan dan 1.66% lagi membaca antologi *Satu Perasmian* yang diselenggarakan oleh Yeop Johari Yaakub, manakala antologi puisi *Perkasihan Musim* yang diselenggarakan oleh Jonathan Singki Lintan / Hajijah Jais tidak dibaca langsung oleh guru. Ringkasan butiran tentang kadar pembacaan puisi di kalangan guru dipaparkan dalam jadual 3.9.3.

Jadual 3.9.3 Kadar pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan guru

JUDUL	JUMLAH	PERATUS
Perkasihan Musim	-	-
<i>Satu Perasmian</i>	4	1.66
<i>Menganyam Kedukaan</i>	4	1.66
	8	3.34

Kadar pembacaan puisi yang amat rendah di kalangan guru iaitu hanya 3.34% ini juga sebenarnya selaras dengan jawapan yang diberikan oleh responden pada soalan berkaitan dengan genre yang diminati. Guru

meletakkan genre puisi juga di tempat ketiga paling diminati di bawah cerpen dan novel. Bagaimanapun peratusannya sedikit tinggi berbanding pelajar iaitu 17.3%.

Terdapat persamaan trend antara minat membaca puisi antara guru dengan pelajar. Kedua-dua kategori responden amat tidak berminat membaca puisi-puisi yang terdapat dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998.

Bagaimanapun rekod baki terakhir pada Kad BIN buku (antologi) berkenaan menunjukkan keadaan yang berbeza. Walaupun antologi tersebut tidak mendapat sambutan guru dan pelajar, namun berdasarkan rekod buku keluar, antologi itu kesemuanya mencatatkan jumlah buku keluar yang besar. Antologi *Perkasihan Musim* yang dicetak 3,000 naskhah meninggalkan baki terakhir 284 naskhah. Ini bermaksud sebanyak 2,716 naskhah berpotensi berada di tangan pembaca. Antologi *Satu Perasmian* yang dicetak sebanyak 3,000 naskhah meninggalkan baki terakhir sebanyak 338 naskhah. Maka sebanyak 2,662 naskhah berpotensi berada di tangan pembaca. Antologi *Menganyam Kedukaan* yang dicetak sebanyak 1,000 naskhah meninggalkan baki terakhir sebanyak 298 naskhah. Ini bermakna 702 naskhah berpotensi berada di tangan pembaca. Ringkasan data ditujukan dalam jadual 3.9.4.

Ketidakselarasan antara jumlah antologi yang berpotensi berada di tangan pembaca dengan jumlah pembacaan sebenar antologi tersebut di kalangan guru dan pelajar mungkin disebabkan oleh jarak masa. Antologi *Satu Perasmian* dan *Perkasihan Musim* kedua-duanya diterbitkan pada tahun 1992. Oleh sebab kedua-dua antologi itu sudah lama berada di pasaran atau perpustakaan mungkin responden tidak menemui antologi tersebut.

Jadual 3.9.4 Baki terakhir antologi puisi seperti yang direkodkan pada Kad BIN Unit Stor DBP Sarawak

JUDUL	JUMLAH CETAK	BAKI STOK
Perkasihan Musim	3,000	284
Satu Perasmian	3,000	338
Menganyam Kedukaan	1,000	298

Jadual 3.9.5 menunjukkan antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh pelajar. *Perkasihan Musim* (Jonathan Singki Lintan / Hajijah Jais) merupakan antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh pelajar. Antologi ini dipilih oleh 48.14% responden, manakala antologi puisi *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) di tempat kedua dengan 31.14%, dan antologi *Satu Perasmian* (Yeop Johari Yaakub) mendapat 20.37%.

Antologi *Perkasihan Musim* merupakan kumpulan puisi yang diterbitkan sempena Dialog Borneo pertama di Miri pada tahun 1988. Antologi ini menghimpunkan puisi karya penulis Borneo iaitu dari Brunei, Kalimantan, Sabah, Labuan dan Sarawak. Pelajar memilih antologi ini mungkin kerana kepelbagaian tema daripada pelbagai latar belakang negara pengarangnya. Malah ini selaras dengan jawapan yang diberikan pelajar dalam soalan (1) bahawa antologi inilah yang paling banyak dibaca oleh mereka iaitu sebanyak 6% responden.

Antologi kedua paling seronok dibaca ialah *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan). Antologi ini juga merupakan yang kedua terbanyak dibaca pelajar (Rujuk jadual 3.9.2). Keadaan ini memperlihatkan trend yang sama seperti pembacaan terhadap novel dan cerpen di kalangan pelajar. Keseronokan hanya bergantung pada apa yang telah dibaca oleh responden.

Mungkin pelajar hanya membaca satu judul antologi, maka antologi tersebutlah yang paling menarik bagi pelajar berkenaan.

Jadual 3.9.5 Antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh pelajar

JUDUL	JUMLAH	PERATUS
Perkasihan Musim	26	48.14
<i>Satu Perasmian</i>	11	20.37
<i>Menganyam Kedukaan</i>	17	31.14
	54	100

Dalam jadual 3.9.6 pula ditunjukkan antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh guru. Guru memilih secara sama rata antologi puisi yang seronok dibaca mereka. Antologi *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) dan *Satu Perasmian* (Yeop Johari Yaakub) masing-masingnya mendapat 50% antologi yang paling seronok dibaca guru. Bagaimanapun antologi *Perkasihan Musim* (Jonathan Singki Lintan / Hajjah Jais) tidak mendapat sebarang markah.

Jelas bahawa guru turut memperlihatkan trend yang sama iaitu memilih antologi puisi yang seronok dibaca hanya berdasarkan satu antologi yang dibaca sahaja. Ini bermaksud guru juga mungkin hanya membaca satu judul antologi puisi, lantas mereka mengatakan judul itulah yang paling seronok dibaca. Kedua-dua antologi yang paling seronok dibaca guru juga adalah dua antologi puisi yang sama banyak dibaca oleh guru (Rujuk jadual 3.9.3). Malah antologi *Perkasihan Musim* yang tidak mendapat sebarang markah juga merupakan antologi yang tidak dibaca oleh guru seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.9.3 sebelum ini.

Jadual 3.9.6 Antologi puisi yang paling seronok dibaca oleh guru

JUDUL	JUMLAH	PERATUS
Perkasihan Musim	-	-
<i>Satu Perasmian</i>	4	50
<i>Menganyam Kedukaan</i>	4	50
	8	100

Keadaan pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan pelajar dipaparkan dalam jadual 3.9.7. Didapati bahawa 37.03% pelajar membaca sebahagian besar puisi dalam antologi berkenaan. Sejumlah 22.22% pelajar membaca tidak lebih daripada lima puisi dan 22.22% pelajar juga membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca. Sebanyak 7.40% pelajar pula hanya membaca sebuah puisi. Hanya 11.11% pelajar yang membaca semua puisi dalam antologi tersebut.

Keadaan pembacaan puisi pelajar ini menunjukkan bahawa tabiat membaca di kalangan pelajar adalah tidak konsisten. Hanya 11.11% mampu membaca semua puisi yang terdapat dalam antologi berkenaan. Sejumlah 7.40% pula sekadar membaca sebuah puisi. Malah sebahagian lagi tidak membaca hingga selesai sesebuah puisi. Hal ini mungkin disebabkan oleh pelajar berasa ada puisi dalam antologi tersebut sukar untuk difahami ataupun tidak menarik minat mereka.

Jadual 3.9.7 Keadaan pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan pelajar

KEADAAN PEMBACAAN	JUMLAH	PERATUS
Membaca semua puisi dalam antologi berkenaan	6	11.11
Membaca sebahagian besar puisi dalam antologi berkenaan	20	37.03
Membaca tidak lebih daripada lima puisi	12	22.22
Membaca sebuah puisi sahaja	4	7.40
Membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca	12	22.22
	54	100

Jadual 3.9.8 memaparkan keadaan pembacaan puisi di kalangan guru.

Keadaan pembacaan guru ialah 37.5% daripada mereka membaca sebahagian besar puisi yang terdapat dalam antologi berkenaan. Selebihnya iaitu 62.5% membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca. Tidak ada guru yang membaca semua puisi dalam antologi berkenaan.

Ini menunjukkan bahawa keadaan pembacaan puisi di kalangan guru tidak begitu memberangsangkan. Sebahagian besar guru hanya membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi tersebut dibaca hingga selesai. Perkara ini mungkin disebabkan oleh puisi-puisi dalam antologi berkenaan tidak mampu menarik minat guru untuk membaca. Ini juga mungkin berkaitan dengan minat umum guru terhadap puisi yang rendah berbanding dengan cerpen dan puisi.

Jadual 3.9.8 Keadaan membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan guru

KEADAAN PEMBACAAN	JUMLAH	PERATUS
Membaca semua puisi dalam antologi berkenaan	-	-
Membaca sebahagian besar puisi dalam antologi berkenaan	-	-
Membaca tidak lebih daripada lima puisi	3	37.5
Membaca sebuah puisi sahaja	-	-
Membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca	5	62.5
	8	100

Sebab-sebab mengapa pelajar seronok membaca puisi-puisi dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 dimuatkan dalam jadual 3.9.9. Ada lima faktor mengapa responden seronok membaca puisi-puisi dalam antologi tersebut. Sejumlah 37.03% responden memilih bahasa puisi tersebut yang indah sebagai sebab mengapa mereka seronok membaca puisi-puisi berkenaan. Faktor kedua tertinggi ialah kerana teknik penyampaian yang mudah dan berkesan iaitu 25.92%, sementara 20.37% responden memilih faktor bahasa puisi yang mudah dan isinya yang senang difahami. Sejumlah 11.11% pula memilih tema dan persoalan puisi yang menarik, 3.70% memilih puisi dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta, semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan dan 1.85% memilih sebab-sebab lain.

Tampak ada kecenderungan pelajar melihat keindahan aspek bahasa serta puisi yang mudah difahami sebagai sebab utama mereka seronok membaca puisi-puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Ini

menggambarkan bahawa pelajar terpengaruh dengan keindahan mainan bunyi bahasa yang ada pada puisi berkenaan. Tetapi yang utama juga pada pelajar ialah isi puisi mestilah mudah difahami. Ini kerana pelajar sekolah umumnya menganggap bahasa sajak adalah sukar untuk difahami lantas mereka tidak berminat untuk membaca puisi.²²

Dalam keadaan itu juga, bagi pelajar tema tidaklah begitu penting dalam memberikan keseronokan membaca puisi. Pelajar tetap terpengaruh oleh bahasa yang mengungkapkan tema tersebut.

Jadual 3.9.9 Faktor-faktor mengapa pelajar seronok membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

FAKTOR-FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang menarik	6	11.11
Bahasa mudah dan isi senang difahami	11	20.37
Teknik penyampaian yang mudah dan berkesan	14	25.92
Bahasa indah	20	37.03
Dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	2	3.70
Lain-lain	1	1.85
	54	100

Dalam jadual 3.9.10 pula dipaparkan faktor keseronokan guru membaca puisi dalam antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Bagi guru hanya ada dua faktor yang menjadi sebab mereka seronok membaca

²²Pengalaman pengkaji memberikan ceramah sejak 1992 – 1998 di sekolah-sekolah seluruh Sarawak mendapati sebahagian besar pelajar sekolah menganggap puisi susah difahami maknanya. Ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk membaca dan menikmati puisi.

puisi-puisi tersebut. Sejumlah 62.5% guru memilih faktor tema dan persoalan yang menarik. Sejumlah 37.5% pula mernilih faktor bahasa yang indah.

Penekanan guru ialah aspek tema, dan ini berbeza dengan persepsi pelajar yang mengutamakan bahasa yang indah sebagai punca keseronokan mereka membaca puisi. Namun guru juga melihat aspek bahasa yang mudah sebagai pertimbangan dalam mencari keseronokan membaca puisi. Guru juga tidak terlalu memikirkan aspek sajak yang mudah difahami sebagai perkiraan dalam menentukan keseronokan. Mungkin bagi guru, mereka tidak menghadapi banyak masalah dalam memahami sesbuah sajak. Maka tidak timbul keperluan bagi guru untuk memasukkan pengaruh sajak yang mudah difahami sebagai sajak yang seronok dibaca.

Jadual 3.9.10 Faktor-faktor mengapa guru seronok membaca puisi dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

FAKTOR-FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dari persoalan yang menarik	5	62.5
Bahasa mudah dan isi senang difahami	-	-
Teknik penyampaian yang mudah dan berkesan	-	-
Bahasa indah	3	37.5
Dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	-	-
Lain-lain	-	-
	8	100

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 ditunjukkan dalam jadual 3.9.11. Faktor

utama yang menyebabkan pelajar tidak membaca puisi-puisi berkenaan ialah kerana mereka tidak tahu antologi tersebut ada di pasaran ataupun perpustakaan. Faktor ini dipilih oleh 28.6% responden. Faktor tidak meminati puisi berada di tempat kedua dengan 27.6%, manakala faktor mereka tidak menemui antologi tersebut di pasaran atau perpustakaan berjumlah 19%.

Faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak membaca puisi dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 ialah kerana faktor luar teks (karya). Pelajar tidak mengetahui penerbitan antologi berkenaan serta tidak menemui antologi tersebut di pasaran atau perpustakaan. Dua faktor ini dinyatakan oleh 47.6% responden. Faktor tidak meminati genre puisi juga merupakan sebab utama yang menghalang minat membaca puisi di kalangan pelajar.

Faktor dalam teks hanya menyumbang sejumlah 24.8%. Pecahan faktor dalam teks, adalah seperti perikut, tema dan persoalan yang tidak menarik 5.4%, bahasa yang susah dan isi sukar difahami 8.2%, teknik penyampaian yang terlalu simbolis 5.4%, tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan 3%, dan tidak mendapat banyak faedah dari pembacaan itu 0.4%. Selebihnya, 2% responden memberikan faktor tidak ada duit khas untuk membeli buku sebagai sebab tidak membaca puisi-puisi berkenaan, dan 0.4% lagi menyatakan faktor-faktor lain.

Jelaslah bahawa faktor daiaman teks tidak begitu memberikan pengaruh terhadap punca pelajar tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Bagi pelajar minat membaca banyak bergantung pada sejauh manakah mereka mengetahui serta menemui sesebuah judul antologi

puisi. Maka, disebabkan oleh mereka tidak mengetahui dan tidak pula menemui judul-judul antologi puisi berkenaan di pasaran atau perpustakaan, pelajar tidak membaca antologi tersebut. Perkara ini mungkin berlaku kerana antologi berkenaan kurang publisiti hingga menyebabkan pelajar tidak mengetahuinya. Perpustakaan pula mungkin tidak memiliki koleksi judul-judul berkenaan. Faktor semula jadi iaitu tidak meminati genre puisi juga memberikan kesan yang besar kepada pembacaan puisi di kalangan pelajar. Peratusan kedua tertinggi iaitu 27.6% responden tidak meminati puisi menggambarkan genre ini memang umumnya kurang digemari oleh pelajar. Ini mungkin ada kaitannya dengan tanggapan pelajar bahawa puisi hanyalah untuk golongan tertentu sahaja, ditambah pula sebahagian pelajar beranggapan puisi sukar untuk difahami. Apatah lagi puisi dan sastera umumnya bukan utilitarian sifatnya.²³

²³Noriah Taslim, “Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturran Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran” dlm *Pengajaran Sastera*, Othman Puteh (Penyelenggara) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 9.

Jadual 3.9.11 Faktor-faktor mengapa pelajar tidak membaca puisi dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

FAKTOR-FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	27	5.4
Bahasa yang susah dan isi sukar difahami	36	8
Teknik penyampaian yang terlalu simbolis	27	5.4
Tidak mendapat banyak faedah dari pembacaan itu	2	0.4
Tidak tahu antologi itu ada di pasaran atau perpustakaan	143	28.6
Tahu tapi tidak menemui antologi itu ada di pasaran atau perpustakaan	95	19
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	10	2
Tidak minat puisi	138	27.6
Tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	15	3
Lain-lain	2	0.4
	500	100

Jadual 3.9.12 pula menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan guru tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Bagi guru faktor utama mengapa mereka tidak membaca puisi-puisi berkenaan adalah kerana mereka memang tidak minat puisi. Faktor ini dinyatakan oleh 40.83% responden, manakala 16.66% memilih faktor tema dan persoalan yang tidak menarik dan 12.91% memilih tidak ada duit khas untuk membeli buku. Selebihnya 5.83% kerana teknik penyampaian puisi yang terlalu simbolis, 2.5% bahasa yang susah dan isi yang sukar difahami, 15% tidak tahu antologi tersebut ada di pasaran atau perpustakaan, 1.66% puisi tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema

yang dikemukakan, 2.08% tidak mendapat banyak faedah dari pembacaan itu dan 2.5% faktor-faktor lain.

Jelas bahawa faktor utama guru tidak membaca puisi-puisi dalam antologi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 adalah kerana mereka sememangnya tidak meminati genre puisi. Keadaan ini ditambah lagi dengan guru tidak tahu tentang penerbitan judul antologi berkenaan. Walaupun sebahagian guru tahu tentang penerbitan tersebut, mereka tidak menemui antologi itu di pasaran maupun di perpustakaan. Keseluruhan tiga faktor ini menyumbang 68.74% sebab mengapa guru tidak membaca antologi puisi itu.

Kurang promosi serta publisiti menjadi antara penyebab utama guru tidak membaca puisi. Kurangnya publisiti dan promosi terhadap antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 memberi kesan besar kepada minat guru untuk membaca puisi-puisi tersebut. Walaupun faktor teks, iaitu yang berkaitan dengan tema, bahasa, gaya dan penyampaian turut disebut sebagai penyebab, tetapi faktor ini tidak begitu dominan. Faktor teks hanya menyumbang 31.26%.

Kekurangan dan kelemahan aspek promosi buku sebagai punca menyebabkan buku tidak dibeli atau dibaca pernah dibuktikan melalui kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Caples, (1957) dan (1974), Bodiau (1983) dan Margohs (1985).²⁴

²⁴Hamed Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku Di Malaysia*, hlm.. 180.

Jadual 3.9.12 Faktor-faktor mengapa guru tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998

FAKTOR-FAKTOR	JUMLAH	PERATUS
Tema dan persoalan yang tidak menarik	40	16.66
Bahasa yang susah dan isi sukar difahami	6	2.5
Teknik penyampaian yang terlalu simbolis	14	5.83
Tidak mendapat banyak faedah dari pembacaan itu	5	2.08
Tidak tahu antologi itu ada di pasaran atau perpustakaan	36	15
Tahu tapi tidak menemui antologi itu ada di pasaran atau perpustakaan	31	12.91
Tidak ada duit khas untuk membeli buku	-	-
Tidak minat puisi	98	40.83
Tidak dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat yang sesuai dengan tema yang dikemukakan	4	1.66
Lain-lain	6	2.5
	240	100

Pendapat pelajar tentang puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat dipaparkan dalam jadual 3.9.13. Sebahagian besar pelajar berpendapat bahawa puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah puisi senang difahami isi atau mesejnya. Ini dapat dilihat apabila 55% memilih teknik penyampaian puisi yang tidak terlalu simbolis dan 16% memilih puisi yang bahasanya mudah dan isi yang senang difahami.

Sejumlah 15.4% memilih puisi yang menggunakan tema yang berkaitan dengan kemasyarakatan, 12.4% memilih puisi yang berbentuk penceritaan (naratif) tentang satu-satu perkara atau peristiwa dan 1.2% memilih lain-lain. Maka pertimbangan utama pelajar dalam menganggap puisi

yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah bergantung pada mudah atau sukarnya sesebuah puisi itu difahami oleh pembaca.

Bagi pelajar, puisi yang menarik ialah puisi yang mudah difahami mesej atau isinya, manakala puisi yang tidak menarik ialah puisi yang sukar difahami mesej atau isinya. Bagaimanapun kesimpulan ini tidak selaras dengan jawapan yang diberikan oleh pelajar pada soalan lima (5) tentang mengapa mereka tidak membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Hanya 13.6% pelajar yang mengatakan mereka tidak membaca antologi berkenaan kerana isi atau mesej puisi berkenaan sukar difahami. (Rujuk jadual 3.9.12).

Bagaimanapun dapat difahami bahawa umumnya pelajar sekolah menganggap puisi sukar difahami dari segi isi atau mesejnya. Ini menyebabkan pelajar tidak berminat membaca dan menghayati puisi lantas beranggapan puisi yang tidak menarik adalah puisi yang sukar difahami isi atau mesejnya. Dalam keadaan ini ada keperluan untuk kita (penulis) menulis sajak-sajak yang lebih mudah difahami oleh pelajar atau pembaca bagi menarik minat mereka untuk membaca dan menghayati puisi.

Jadual 3.9.13 Ciri-ciri puisi yang menarik dan sesuai dibaca menurut pelajar

CIRI-CIRI	JUMLAH	PERATUS
Tema yang berkaitan kemasyarakatan	77	15.4
Bahasa yang mudah dan isi yang senang difahami	80	16
Teknik penyampaian yang tidak terlalu simbolis	275	55
Puisi yang berbentuk penceritaan (naratif) tentang satu-satu perkara atau peristiwa	62	12.4
Lain-lain	6	1.2
	500	100

Dalam jadual 3.9.14 pula ditunjukkan ciri-ciri puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat pada pendapat guru. Guru juga mempunyai pendapat yang hampir sama dengan pelajar dalam menentukan ciri-ciri puisi yang menarik. Seperti pelajar, 55% guru menyatakan puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah puisi yang menggunakan teknik penyampaian yang tidak terlalu simbolis, manakala 8.33% pula memilih puisi yang mudah bahasanya dan isi (mesej) senang difahami sebagai puisi yang menarik. Secara keseluruhan 63.33% guru memilih mesej dan bahasa yang mudah difahami sebagai puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat.

Seramai 24.41% memilih tema yang berkaitan kemasyarakatan dan 5.41% memilih puisi yang berbentuk naratif tentang satu-satu perkara atau peristiwa. Guru juga menggunakan pertimbangan yang sama dengan pelajar iaitu puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat ialah puisi yang

bahasanya mudah dan teknik penyampaian yang tidak terlalu simbolis. Perkara ini mungkin terjadi kerana guru juga beranggapan puisi umumnya ditulis dengan bahasa yang sukar dan mesej juga sukar untuk difahami. Inilah yang menyebabkan sebahagian besar guru tidak meminati genre puisi. Maka ada keperluan juga untuk penulis menghasilkan puisi yang mudah iaitu tidak terlalu simbolis untuk menarik minat guru membaca dan menghayati puisi.

Jadual 3.9.14 Ciri-ciri puisi yang menarik dan sesuai dibaca menurut guru

CIRI-CIRI PUISI	JUMLAH	PERATUS
Tema yang berkaitan dengan kemasyarakatan	61	25.41
Bahasa yang mudah dan isi senang difahami	20	8.33
Teknik penyampaian yang tidak terlalu simbolis	132	55
Puisi yang berbentuk penceritaan (naratif) tentang satu-satu perkara atau peristiwa	13	5.41
Puisi yang dapat menimbulkan rasa marah, benci, cinta dan semangat sesuai dengan tema yang dikemukakan	14	5.83
Lain-lain	-	-
	240	100

3.9.1 Rumusan

Secara keseluruhan penerimaan atau sambutan pelajar dan guru terhadap antologi puisi yang menjadi sampel kajian ini amat tidak baik. Ini berdasarkan hanya 10.8% pelajar dan 3.34% guru ada membaca antologi tersebut. Keseluruhan guru dan pelajar yang membaca antologi puisi

tersebut hanya 8.37%. Rumusan tentang kadar pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 ditunjukkan dalam jadual 3.9.15

Jadual 3.9.15 Rumusan data pembacaan antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 di kalangan pelajar dan guru

RESPONDEN	JUMLAH KESELURUHAN RESPONDEN	MEMBACA PUISI		TIDAK MEMBACA PUISI	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
Pelajar	500	54	10.8	446	89.2
Guru	240	8	3.34	232	96.66
Jumlah Besar	740	62	8.37	678	91.62

Faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tidak membaca puisi-puisi dalam antologi tersebut juga dipengaruhi oleh faktor luar teks (karya). Ini berdasarkan 47.6% pelajar memberi faktor tidak tahu tentang penerbitan serta tidak menemui antologi itu di pasaran atau perpustakaan. Faktor tidak meminati genre puisi juga merupakan salah satu sebab pelajar tidak membaca puisi. Faktor ini dipilih oleh 27.6% pelajar.

Bagi guru pula faktor tidak meminati genre puisi merupakan sebab utama mengapa mereka tidak membaca puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998. Sejumlah 40.83% guru memilih faktor ini. Faktor lain yang turut mempengaruhi minat membaca puisi di kalangan guru ialah tema dan persoalan yang tidak menarik. Faktor ini dipilih oleh 16.6% guru.

Keadaan pembacaan puisi di kalangan pelajar dan guru juga menunjukkan penerimaan mereka yang tidak baik terhadap antologi berkenaan. Di kalangan pelajar hanya 11.11% yang membaca semua puisi dalam antologi itu, manakala 22.22% pula hanya membaca beberapa puisi

tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca. Di kalangan guru pula tidak ada yang membaca semua puisi dalam antologi tersebut. Malah 62.5% guru hanya membaca beberapa puisi tetapi tidak semua puisi itu selesai dibaca. Sementara itu, 37.5 guru lagi mernbaca tidak lebih daripada lima puisi dalam antologi itu.

Bagi pelajar yang ada membaca antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998, antologi puisi *Perkasihan Musim* (Jonathan Singki Lintan / Hajjah Jais) merupakan antologi yang paling banyak dibaca serta paling seronok dibaca. Guru pula memilih antologi puisi *Satu Perasmian* (Yeop Johari) dan *Menganyam Kedukaan* (Jiso Rutan) sebagai antologi yang paling banyak dan paling seronok dibaca, manakala antologi puisi *Perkasihan Musim* (Jonathan Singki Lintan / Hajjah Jais) tidak dibaca langsung oleh guru yang terlibat dalam kajian ini.

Sebab-sebab utama mengapa pelajar seronok membaca puisi dalam antologi tersebut kerana bahasa puisi itu indah. Selain itu isi yang senang difahami serta teknik penyampaian yang berkesan juga merupakan faktor yang amat berpengaruh dalam merangsang minat pelajar membaca puisi. Keseluruhan faktor tersebut dipilih oleh 83.32% pelajar. Bagi guru faktor tema dan persoalan yang menarik merupakan sebab utama mereka membaca puisi. Faktor ini dipilih oleh 62.5% guru, sementara 37.5% pula memilih faktor bahasa puisi yang indah sebagai sebab mereka membaca puisi itu.

Puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh masyarakat menurut pendapat pelajar ialah puisi yang teknik penyampaiannya yang tidak terlalu simbolis. Di kalangan guru berpendapat puisi yang menarik dan sesuai dibaca oleh

masyarakat selain puisi yang tidak terlalu simbolis, juga puisi yang membawa tema yang berkaitan dengan kemasyarakatan.

Usman Awang dalam mengekalkan kekuatan sajak tidak terlalu menyembunyikan makna dalam "kata". Menurut Rahman Shaari, Usman Awang sebenarnya mengkritik sistem melalui sajak-sajaknya dan kritikan tersebut disampaikannya dengan bahasa yang jernih dan dinamis.²⁵ Pengalaman Usman Awang ini wajar diberikan perhatian oleh penulis dalam mencipta karya, keinginan untuk terlalu bermain dengan kata hingga kata itu kehilangan makna pastinya mempengaruhi minat pembaca. Dalam keadaan sekarang pembaca agak keberatan untuk mencari makna bagi karya-karya yang sukar.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah penerimaan pelajar dan guru terhadap antologi puisi terbitan DBP Sarawak 1988 – 1998 adalah amat tidak baik. Ini berdasarkan tiga sebab utama iaitu:

- i. Peratusan pembacaan puisi yang rendah.
- ii. Keadaan pembacaan yang tidak memberangsangkan.
- iii. Minat yang tidak begitu mendalam terhadap genre puisi di kalangan responden.

²⁵Rahman Shaari, Kata Pengantar dlm. *Salam Benua*, Usman Awang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. x.